



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC) DR. 12 TAHUN 2025



TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)
DAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG
PENGURUSAN PELAKSANAAN
PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI
LORONG (MLFF) DI BAWAH KKR DAN LLM
(DR. 2 TAHUN 2025)





AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Kementerian Ekonomi (KE)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 4

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 5 - 11

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 11

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)
DAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG
PENGURUSAN PELAKSANAAN
PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI
LORONG (MLFF)**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)
DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)**

**BAGI SYOR-SYOR
PENYATA PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS
PELBAGAI LORONG (MLFF) DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA
(KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)
(DR. 2 TAHUN 2025)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pada Mac 2023, Kerajaan mengumumkan akan membelanjakan sebanyak RM3.46 bilion bagi melaksanakan inisiatif sistem Tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong [*Multi Lane Fast Flow* (MLFF)] yang merupakan satu sistem kutipan tol tanpa perlu berhenti bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol.
- 1.2. Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menandatangani Perjanjian Pelantikan *Central Tolling Company* (CTC) dengan Syarikat KJS-SEP Synergy JV berhubung pelaksanaan MLFF pada 17 November 2022. Perkara ini telah mendapat bantahan daripada pihak Persatuan Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) terutamanya berhubung pelantikan dan penganugerahan kepada syarikat berkenaan.
- 1.3. Oleh itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu-isu tersebut melalui enam (6) prosiding yang diadakan bermula 26 Februari 2024 hingga 19 November 2024 yang bertujuan untuk mengkaji dan meneliti pelaksanaan sistem MLFF diurus dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur yang telah ditetapkan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. PAC telah membentangkan Penyata PAC Parlimen bertajuk Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) Di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) (DR. 2/2025) pada 18 Februari 2025 di Dewan Rakyat.
- 2.2. Dalam penyata berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan enam (6) syor yang perlu diambil tindakan oleh KKR dan LLM iaitu:
 - i. Syor 1: PAC berpendapat bahawa pelaksanaan MLFF tidak akan menyelesaikan kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol secara total. KKR

dan LLM perlu melaksanakan kajian *cost benefit analysis* yang lebih terperinci kerana pelaksanaan MLFF akan melibatkan anggaran kos RM3.46 bilion.

- ii. Syor 2: KKR perlu menetapkan atau memuktamadkan hala tuju sistem MLFF dengan segera selepas Perjanjian Pelantikan [*Appointment Agreement* (AA)] tamat pada 16 Disember 2024.
- iii. Syor 3: KKR perlu mendapatkan nasihat/ulasan terperinci daripada MOF/UKAS bagi mengesahkan kaedah perolehan terbaik bagi pelaksanaan MLFF.
- iv. Syor 4: Pelaksanaan MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik dengan tiada sebarang implikasi kos kepada Kerajaan dan pengguna.
- v. Syor 5: PAC berpendapat bahawa adalah tidak wajar pihak Kerajaan menandatangani sebarang perjanjian yang memberi impak tinggi dan besar semasa Kerajaan *caretaker*.
- vi. Syor 6: Sebagai langkah segera, LLM bersama syarikat konsesi perlu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan tol di setiap plaza tol.

2.3. KKR dan LLM telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim Secara Bertulis terhadap Syor-syor PAC pada 28 Mac 2025 dan Laporan Tindakan Susulan Muktamad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Penyata PAC tersebut pada 20 Mei 2025.

2.4. Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) Di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) (DR. 2/2025) pada 20 Mei 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

*PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PELAKSANAAN
PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF) (DR. 2/ 2025)*

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 12, Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian, Jabatan Perdana Menteri.

2.5. Kronologi tindakan susulan yang telah diambil KKR dan LLM terhadap Syor-Syor Penyata PAC Parlimen berhubung Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) Di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) (DR. 2/2025) adalah seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	18 Februari 2025/ 10.00 pagi	Pembentangan Penyata PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	28 Mac 2025	Laporan Tindakan Susulan Interim - Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) Di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) (DR. 2/2025) telah dikemukakan oleh KKR.
3.	20 Mei 2025	Laporan Tindakan Susulan Muktamad - Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) Di Bawah Kementerian Kerja Raya (KKR) Dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) (DR. 2/2025) telah dikemukakan oleh KKR.
6.	20 Mei 2025/ 11.00 pagi	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Penyata PAC Parlimen (DR. 2/ 2025). Saksi: 1. Kementerian Kerja Raya (KKR) - YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha 2. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) i. YBrs. Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes); dan ii. Ir. Khairulnuar bin Muhari Ketua Taskforce MLFF.

***TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR. 2/2025)***



3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN (DR. 2/ 2025)

- 3.1. Syor 1: PAC berpendapat bahawa pelaksanaan MLFF tidak akan menyelesaikan kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol secara total. KKR dan LLM perlu melaksanakan kajian *cost benefit analysis* yang lebih terperinci kerana pelaksanaan MLFF akan melibatkan anggaran kos RM3.46 bilion.

Maklum Balas KKR dan LLM:

- 3.1.1. Kajian *cost benefit analysis* mengenai pelaksanaan *Multi-Lane Fast Flow* (MLFF) telah dibuat oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. dalam tempoh 2017 - 2020 di mana beberapa model kewangan telah dicadangkan, antaranya *Build-Operate-Transfer* (BOT), *Private Finance Initiative* (PFI) dan penggunaan sumber Kerajaan. Dua (2) opsyen utama telah dicadangkan iaitu:

Opsyen Pertama: Model BOT dengan IRR (*Internal rate of return*) 9.5% dan 30% bantuan kerajaan. Opsyen ini ditolak oleh Kerajaan kerana melibatkan implikasi dan beban kewangan kepada Kerajaan.

Opsyen Kedua: Model PFI yang perlu dilaksanakan sendiri oleh syarikat konsesi, tanpa bantuan kerajaan. Opsyen ini pula tidak dipersetujui oleh sebahagian syarikat konsesi kerana implikasi kewangan yang besar kepada syarikat.

Berikutan itu, Kerajaan telah memberi peluang kepada KJS-SEP Synergy JV untuk melaksanakan MLFF dengan anggaran kos RM3.46 bilion yang tidak membawa implikasi kewangan kepada Kerajaan dan pengguna. Walau bagaimanapun KJS-SEP Synergy JV tidak dapat memuktamadkan tawaran tersebut dalam tempoh yang ditetapkan, kerana tiada sokongan syarikat konsesi lebuhraya sedia ada. Perjanjian Pelantikan KJS-SEP Synergy JV telah tamat pada 16 Disember 2024 dan tiada implikasi kewangan kepada Kerajaan yang berbangkit.

Pada masa yang sama, Kerajaan masih berpandangan bahawa pelaksanaan MLFF boleh membantu mengurangkan kesesakan di plaza tol kerana kenderaan tidak perlu berhenti untuk membayar tol. Di samping melancarkan pergerakan trafik, MLFF ini juga telah dibukti berjaya pelaksanaannya di luar negara seperti Australia, Taiwan, Kanada dan Amerika Syarikat. KKR berpandangan bahawa, pelaksanaan MLFF di Malaysia akan membawa kebaikan kepada pemegang taruh, seperti berikut:

i) Kerajaan

- Selaras dengan Malaysian *Intelligent Transportation System Blueprint* (ITS) 2019-2023.
- Memudahkan pemantauan kesalahan tol dan jalan raya serta analisis trafik.
- Mengurangkan pencemaran udara dan bunyi di plaza tol.

ii) Pengguna

- Perjalanan lebih lancar tanpa henti di tol, menjimatkan masa dan bahan api.
- Pembayaran lebih mudah melalui sistem terbuka.
- Meningkatkan keselamatan dengan penggantian plaza tol kepada gantri elektronik.

iii) Syarikat konsesi

- Mengurangkan kos operasi dan penyenggaraan fizikal plaza tol.
- Memudahkan pemantauan kutipan tol secara berpusat dan *real-time*.
- Lebih fokus diberikan kepada peningkatan mutu perkhidmatan lebuhraya kepada pengguna.

KKR melalui LLM juga sentiasa meneruskan usaha untuk menambah baik sistem tol dengan teknologi terkini, di samping melaksanakan langkah lain seperti *smartlane*, *Travel Time Advisory* (TTA), *tidal flow* dan pelebaran lebuhraya.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan KKR dan LLM berhubung kajian *cost benefit analysis* yang dijalankan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di lebuhraya.

PAC berpendapat bahawa walaupun sistem MLFF mungkin melancarkan aliran di tol, ia tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan trafik secara menyeluruh. Kesesakan lalu lintas dilihat disebabkan oleh lorong yang tidak mencukupi dan jumlah kenderaan yang terlalu banyak di lokasi-lokasi tertentu.

PAC berpandangan setiap keputusan mengenai pelaksanaan sistem MLFF atau apa jua sistem yang diperkenalkan selepas ini mestilah memberi manfaat serta meningkatkan keberkesanan dalam mengatasi kesesakan trafik.

3.2. Syor 2: KKR perlu menetapkan atau memuktamadkan hala tuju sistem MLFF dengan segera selepas Perjanjian Pelantikan [Appointment Agreement (AA)] tamat pada 16 Disember 2024.

Maklum Balas KKR dan LLM:

Berikutan keputusan Kerajaan untuk tidak melanjutkan Perjanjian Pelantikan KJS-SEP Synergy JV yang berakhir pada 16 Disember 2024, KKR telah mengadakan konsultasi semula dengan semua agensi Kerajaan yang berkaitan dan kini penyedia cadangan hala tuju pelaksanaan MLFF sedang diperkemas sebelum dikemukakan untuk pertimbangan Jemaah Menteri. KKR berpegang dengan prinsip bahawa **tiada implikasi kewangan** yang berbangkit kepada Kerajaan dalam pelaksanaan MLFF. Sokongan dan komitmen syarikat konsesi lebuhraya untuk melaksanakan MLFF adalah faktor utama kejayaan inisiatif ini.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum terhadap maklum balas KKR dan LLM yang menyatakan tiada implikasi kewangan yang berbangkit kepada Kerajaan dalam pelaksanaan MLFF.

PAC menegaskan sekali lagi supaya KKR memastikan tiada implikasi kewangan kepada Kerajaan dan pengguna dalam cadangan hala tuju pelaksanaan MLFF yang akan dimuktamadkan.

Ini bagi mengelakkan isu seperti yang pernah dibangkitkan dalam Prosiding PAC sebelum ini yang dikatakan tidak mempunyai implikasi kewangan, namun akhirnya Kerajaan masih perlu membayar kepada pihak syarikat.

3.3. Syor 3: KKR perlu mendapatkan nasihat/ ulasan terperinci daripada MOF/ UKAS bagi mengesahkan kaedah perolehan terbaik bagi pelaksanaan MLFF.

Maklum Balas KKR dan LLM:

KKR telah mengadakan sesi libat urus semula dengan agensi Kerajaan yang berkaitan iaitu Kementerian Kewangan (MOF), Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS JPM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Pengangkutan (MOT), antaranya pada 24 Januari 2025 dan 25 Februari 2025, bagi membincangkan hala tuju baharu pelaksanaan MLFF. Sesi konsultasi ini membawa **pendirian konsensus bahawa pelaksanaan MLFF tidak sepatutnya melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan dan tiada proses perolehan Kerajaan yang berbangkit.**

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa sesi libat urus semula yang telah diadakan dengan agensi Kerajaan yang berkaitan bagi memastikan tiada implikasi kewangan dalam cadangan hala tuju pelaksanaan MLFF.

PAC menyarankan supaya KKR dapat menetapkan parameter asas untuk memastikan keseragaman sistem MLFF bagi setiap syarikat konsesi.

3.4. Syor 4: Pelaksanaan MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik dengan tiada sebarang implikasi kos kepada Kerajaan dan pengguna.

Maklum Balas KKR dan LLM:

KKR menyokong pengesyoran PAC bahawa MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik tanpa implikasi kewangan kepada kerajaan dan pengguna. Berdasarkan perjanjian

konsesi yang berkuatkuasa, syarikat konsesi bertanggungjawab menambah baik sistem kutipan tol, termasuk memperkenalkan sistem kutipan tol seumpama MLFF ini. KKR berpendirian bahawa sebarang cadangan pelaksanaan MLFF akan **dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat konsesi**, tanpa intervensi Kerajaan dan hendaklah **dipastikan tiada kenaikan kadar tol, berpunca daripada pelaksanaan MLFF ini.**

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa pelaksanaan MLFF akan dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat konsesi tanpa intervensi Kerajaan dan tiada kenaikan kadar tol daripada pelaksanaan MLFF ini.

Walau bagaimanapun, PAC mengingatkan tentang kos-kos tersembunyi contohnya kos yang mungkin terlibat dalam proses pengeluaran saman oleh pihak Kerajaan sekiranya tol tidak dibayar.

Selain itu, PAC turut menyarankan agar KKR/ LLM dapat mengenal pasti kaedah pemantauan dan kawal selia serta mengambil kira isu keselamatan di plaza tol dalam perancangan sistem MLFF.

3.5. Syor 5: PAC berpendapat bahawa adalah tidak wajar pihak Kerajaan menandatangani sebarang perjanjian yang memberi impak tinggi dan besar semasa Kerajaan caretaker.

Maklum Balas KKR dan LLM:

Perjanjian Pelantikan yang dimeterai pada 17 November 2022 bertujuan menyatakan hasrat kerajaan untuk melaksanakan MLFF bersama KJS-SEP Synergy JV. Perjanjian Pelantikan ini memberi ruang kepada syarikat pencadang untuk mengadakan rundingan dengan syarikat konsesi lebuhraya sedia ada dan mana-mana pembekal sistem MLFF, namun ianya tidak mengikat Kerajaan. Jika rundingan gagal dimuktamadkan dalam

tempoh yang ditetapkan, perjanjian ini terbatal secara automatik. Syarikat pencadang tiada hak untuk membuat sebarang tuntutan pampasan kepada Kerajaan.

Perjanjian ini dimeterai berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2022. Namun, KKR akur bahawa pemeteraian perjanjian besar seperti ini sepatutnya tidak berlaku dalam tempoh Kerajaan *Caretaker*, walaupun tiada implikasi kewangan langsung kepada Kerajaan, bagi mengelakkan risiko tinggi kepada Kerajaan.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum bahawa Perjanjian Pelantikan pelaksanaan MLFF yang ditandatangani adalah berdasarkan keputusan Kabinet. PAC menyarankan supaya KKR memastikan tiada lagi perjanjian berimpak tinggi ditandatangani semasa Kerajaan *caretaker*.

3.6. Syor 6: Sebagai langkah segera, LLM bersama syarikat konsesi perlu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan tol di setiap plaza tol.

Maklum Balas KKR dan LLM:

KKR melalui LLM sentiasa proaktif dalam meningkatkan kecekapan sistem kutipan tol serta menangani isu teknikal seperti baki tidak mencukupi. Antara inisiatif yang diperkenalkan:

i) *Pay Direct/ Account Based Transaction (ABT)*

Membolehkan kad fizikal TNG dipautkan ke e-wallet, di mana caj tol ditolak terus dari e-wallet. Jika baki tidak mencukupi, caj akan ditolak dari kad fizikal TNG.

ii) Sistem Pembayaran Terbuka (SPT)

Alternatif pembayaran tol menggunakan kad kredit, debit atau prabayar yang mempunyai logo MyDebit, Visa atau Mastercard.

iii) *SOS Balance*

Membolehkan pengguna TNG e-wallet (RFID & *PayDirect*) meneruskan perjalanan walaupun baki tidak mencukupi, dengan syarat tambah nilai dalam 24 jam tanpa caj tambahan.

iv) Pemantauan & Kecekapan Sistem

LLM memastikan sistem tol berfungsi dengan baik, mengarahkan syarikat konsesi melakukan penyelenggaraan berkala serta menyediakan rangkaian sokongan (*backup network*).

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum usaha KKR dan LLM serta inisiatif syarikat konsesi mengenai usaha peningkatan kecekapan kutipan tol sedia ada. PAC menggesa agar keberkesanan dan kecekapan kutipan tol sedia ada ini ditingkatkan sebagai langkah segera untuk mengurangkan kesesakan lebuhraya sebelum MLFF dilaksanakan.

PAC juga memohon KKR untuk memaklumkan perkembangan berhubung hala tuju pelaksanaan sistem MLFF sebagai rujukan dan perhatian PAC secara bertulis.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Penyata PAC Parlimen DR. 2/ 2025.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

**LAPORAN PROSIDING (HANSARD)
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
SELASA, 20 MEI 2025**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 20 Mei 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Projek
Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)
di bawah Kementerian Kerja Raya (KKR)
dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)**

(i) Kementerian Kerja Raya (KKR)

YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya

(ii) Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBrs. Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff
Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBrs. Ir. Khairul Anuar bin Muhari
Ketua Task Force MLFF (Pengarah Pengurusan Rekabentuk)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

**PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

SELASA, 20 MEI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang), Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]
Puan Farah Binti Mohamed Rafiee [Penolong Setiausaha (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara), Parlimen Malaysia]

EX OFFICIO

Kementerian Ekonomi (KE)

Encik Nik Khairul Rizal bin Nik Aziz [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]
Puan Zaiton binti Yahya [Pengarah (Bahagian Pembangunan Wilayah)]
Puan Atikah binti Mokhtar [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pembangunan Wilayah)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datin Hasnira binti Hussin [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Cik Norasikin Hashim [Penolong Juruaudit (Bahagian 1, Sektor Audit Prestasi)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)

Encik Hafizal bin Ahmad [Akauntan (BPOPA)]

Puan Noor Azira binti Abd Rashid [Akauntan (BPOPA)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

PKPj Zetty Juzianty binti Zainuddin [Ketua Sektor (Bahagian Siasatan)]

P/PKPj Yasmin Azura binti Yahya [Penolong Kanan Pesuruhjaya]

SAKSI-SAKSI

Kementerian Kerja Raya (KKR)

YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Ketua Setiausaha]

YBrs. Ir. Khairul Anuar bin Muhari [Ketua Task Force MLFF (Pengarah Pengurusan Rekabentuk) Lembaga Lebuhraya Malaysia]

Puan Lim Kui Lee [Ketua Penasihat Undang-undang (Pejabat Penasihat Undang-undang)]

Encik Hairolanuar Mohamad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Puan Mirsha binti Rijin [Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBrs. Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [Timbalan Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia]

Puan Fara Ziza binti Mohamed Fawzi [Pengarah Pengurusan Tol (Bahagian Pengurusan)]

Ts. Shahrizal bin Sharuddin [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Mekanikal dan Elektrikal)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

SELASA, 20 MEI 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.04 pagi

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex officio PAC yang terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara, dan Penasihat Undang-undang Parlimen selaku wakil Jabatan Peguam Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat ini. Sebelum itu, saya ingin menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Pengerusi PAC yang tidak dapat hadir mempengerusikan mesyuarat kerana menghadiri *Asia-Pacific PAC Regional Workshop* di Nadi, Fiji mulai 19 hingga 21 Mei 2025.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada hari ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia terhadap syor-syor dalam penyata PAC berhubung pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) di bawah KKR dan LLM (DR. 2/2025) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 18 Februari 2025. Dalam penyata tersebut, PAC telah memberikan 11 rumusan hasil daripada enam prosiding yang diadakan bermula 26 Februari 2024 hingga 19 November 2024. Berdasarkan rumusan-rumusan berkenaan, PAC Parlimen telah mengesyorkan enam perkara untuk dilaksanakan KKR dan LLM sebagai langkah penambahbaikan.

Prosiding bagi pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) adalah diadakan menggunakan punca kuasa Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) iaitu Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat berikutan isu ini tak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sehubungan itu, bagi prosiding tindakan susulan hari ini PAC menggunakan punca kuasa 77(5) dan 83(2) PPMMDR, Arahan Perbendaharaan 12, serta seksyen 5 perkara 3(d) Pekeliling Am Nombor 1(2024) iaitu organisasi kementerian-kementerian, Jabatan Perdana Menteri.

Justeru, hadir memberi penjelasan di hadapan PAC pada hari ini ialah Yang Berbahagia Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya; Yang Berusaha Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes), Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mewakili Yang Berbahagia Dato' Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah LLM; dan Yang Berusaha Ir. Khairulanuar bin Muhari, Ketua Taskforce MLFF. Terima kasih kerana hadir pada hari ini. Jadi, tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Seri Azman untuk memulakan pembentangan. Silakan.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Kementerian Kerja Raya (KKR)]: *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam Malaysia MADANI. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen Kelima Belas tahun 2025. So, pada pagi ini izinkan saya untuk membentangkan berhubung dengan tindakan susulan Pengurusan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) di bawah Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan semua ahli mesyuarat, pada pagi ini saya akan *touch* sikit berhubung dengan pendahuluan. Tetapi saya rasa pendahuluan ini saya rasa seperti mana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sudah tahu tetapi saya akan sentuh serba sedikit berhubung dengan pendahuluan ini, berhubung dengan evolusi kutipan tol di Malaysia.

Kalau kita tengok pada tahun 1980-an kita guna tunai; 1990 kita ada guna elektronik; tahun 2004 kita *start* guna Touch 'n Go dan SmartTAG; dan 2017 kita telah mula RFID; dan 2023 kita guna apa yang kita namakan sistem pembayaran tol secara terbuka atau SPT-lah. Kalau kita tengok dari segi mod pembayaran ini, dari segi peratusan sehingga— data ini kita ambil sehingga April 2025, kalau kata kad Touch 'n Go ini merangkumi 60.3 persen; SmartTAG, 17.66 persen; RFID, 20.34 persen; dan SPT sebanyak 1.7 persen.

■1110

Yang Berhormat ahli mesyuarat PAC, yang ini saya akan bentang sedikit berhubung dengan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Pengerusi sebentar tadi berhubung enam syor yang telah dikemukakan kepada Kementerian Kerja Raya untuk diambil tindakan. Kita ada pertama ini, PAC Parlimen berpendapat bahawa pelaksanaan MLFF tidak akan menyelesaikan kesesakan lalu lintas di lebuhraya

bertol secara total. KKR dan LLM perlu melaksanakan kajian *cost-benefit analysis* yang lebih terperinci kerana pelaksanaan MLFF akan melibatkan anggaran kos sebanyak RM3.46 bilion. Ini berdasarkan cadangan sebelum inilah ya.

Syor yang kedua, KKR perlu menetapkan atau memuktamadkan hala tuju sistem MLFF dengan segera selepas perjanjian pelantikan *appointment agreement* (AA) tamat pada 16 Disember 2024 seperti mana yang telah kita bincangkan dalam sesi yang lepas, PAC yang lepas.

Ketiga, KKR perlu mendapatkan nasihat ulasan terperinci daripada MOF atau UKAS bagi mengesahkan kaedah perolehan terbaik bagi pelaksanaan MLFF.

Keempat, pelaksanaan MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik dengan tiada sebarang implikasi kos kepada kerajaan dan pengguna.

Kelima, PAC berpendapat bahawa adalah tidak wajar pihak kerajaan menandatangani sebarang perjanjian yang memberi impak tinggi atau besar semasa kerajaan *caretaker*.

Keenam, sebagai langkah segera, LLM bersama syarikat konsesi perlu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan tol di setiap plaza tol.

Ini enam syor yang telah dibangkitkan oleh PAC yang lalu. So, *next*, kita tengok satu persatu. Untuk perkara pertama, berdasarkan maklumat yang kita bagikan kepada PAC iaitu sebenarnya berhubung dengan kajian *cost-benefit analysis* ini, kita telah laksanakan oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. untuk tempoh 2017 hingga 2020 semasa kita nak rancang cadangan MLFF yang lalu. Berdasarkan modal kewangan yang telah dicadangkan, antaranya *built operate transfer* (BOT), *private finance initiative* (PFI), dan penggunaan sumber kerajaan. Pada ketika itu kita dah cadangkan dua opsyen iaitu opsyen pertama, model BOT dengan IRR sebanyak 9.5 persen.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Apa itu IRR?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Internal rate of return.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: *Internal rate of return.* Okey, opsyen ini pada ketika itu telah ditolak oleh kerajaan kerana melibatkan implikasi dan beban kewangan kepada kerajaan, yang besar kepada kerajaan pada ketika itulah.

Opsyen yang kedua, model PFI yang perlu dilaksanakan sendiri oleh syarikat konsesi tanpa bantuan kerajaan. Opsyen ini pada ketika itu juga tidak dipersetujui oleh sebahagian syarikat konsesi kerana implikasi kewangan yang besar kepada

syarikat. So, status terkini ini, kita telah teliti cadangan dan kita akan bantangkan kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekatlah.

Kedua ini, KKR perlu menetapkan atau muktamadkan hala tuju sistem MLFF dengan segera selepas perjanjian pelantikan (*appointment agreement*) (AA) tamat pada 16 Disember 2024. Seperti mana yang saya jelaskan dalam mesyuarat yang terdahulu, sekarang ini, kita telah sediakan Kertas Jemaah Menteri berhubung dengan cadangan penetapan hala tuju pelaksanaan sistem kutipan tol *multi-lane fast flow* (MLFF) di lebuh raya bertol di Malaysia telah disediakan. Cuma sekarang ini kita tengah buat pemurnian dan untuk mendapatkan ulasan daripada agensi utama khususnya daripada MOF, UKAS.

So, yang ini kita ambil kira juga cadangan daripada syor di mana kita akan cadangkan supaya tiada implikasi kewangan yang berbangkit kepada kerajaan dalam pelaksanaan MLFF kelak terutama sekali dari segi kenaikan tol lah. Status terkini macam saya maklumkan tadi, ini pun kita sedang perhalusi ulasan-ulasan daripada agensi yang terlibat untuk kita angkat kepada Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Ketiga, KKR perlu mendapatkan nasihat ulasan terperinci daripada MOF atau UKAS bagi mengesahkan kaedah perolehan terbaik bagi pelaksanaan MLFF. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, sebenarnya proses ini bukan perkara baharu. Sebenarnya, bila kita nak buat satu apa ini kita akan berbincang khususnya yang melibatkan projek-projek Persekutuan. Ini kita akan bersama dengan pihak UKAS dan juga MOF-lah sebelum kita angkat dan kepada Kabinet untuk dibuat keputusan. Bila kita *prepare paper* Jemaah Menteri juga, kita perlu dapatkan ulasan daripada agensi-agensi untuk sebelum kita angkat kepada Jemaah Menteri untuk membuat keputusan.

Kalau kata dari segi maklumat yang kita berikan kepada PAC, KKR telah mengadakan sesi libat urus semula dengan agensi kerajaan yang pada 25— kita buat dua kali baru-baru ini. 25 Februari 2025 dan 14 Mac 2025. So, pelaksanaan MLFF tidak sepatutnya melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan khususnya dari segi kenaikan kadar tol lah. Itu yang perkara utama yang kita tekankan dalam *paper* kitalah.

Berhubung dengan perkara ini juga, berdasarkan amalan semasa, KKR akan merujuk kepada agensi pusat sebelum cadangan kaedah perolehan pelaksanaan MLFF ini diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Berhubung dengan perkara ini, masa kita buat perbincangan pada 14 Mac yang lalu, so, kita ada jemput semua

agensi yang terlibat untuk kita perhalusilah *paper* Jemaah Menteri kita yang kita akan angkat dalam masa terdekat.

Keempat, pelaksanaan MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik dan tiada sebarang implikasi kos kepada kerajaan dan pengguna. So, seperti mana yang saya jelaskan tadi, *insya-Allah*, pelaksanaan MLFF yang kita akan cadang kelak dilaksanakan— kita tengok ini apa keputusan daripada Jemaah Menteri. Kita harap bila MLFF ini dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat konsesi dan kita harap ini tidak memberikan implikasi kos kepada kerajaanlah. Kalau ikut dalam *concession agreement* (CA), dijelaskan dekat situ konsesi boleh diarah untuk melaksanakan— menggunakan teknologi terkini dalam pengendalian tol. So, dengan harapan ini kita harap tiada kenaikan kadar tol lah yang mungkin membebankan kepada pengguna lebuhraya kelak. So, berhubung dengan perkara ini juga, seperti mana yang saya maklumkan status terkini kita akan angkat *paper* Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan kerajaan.

Kelima, PAC berpendapat bahawa adalah tidak wajar pihak kerajaan menandatangani sebarang perjanjian yang memberi impak yang tinggi atau besar semasa kerajaan *caretaker*. Tapi bila kita semak, sebenarnya keputusan ini telah dibuat lebih awal iaitu pada 7 Oktober 2022. Makna, perjanjian itu ditandatangani berdasarkan keputusan Kabinet sebelum itulah. Kita di peringkat Kementerian Kerja Raya, kita mengambil serius terhadap berhubung perkara ini. Kita akan pastikanlah kalau kata ada pertukaran ini, kalau kita dalam kerajaan *caretaker* itu kita tak akan menandatangani sebarang perjanjian dalam tempoh pertukaran *government* atau apa-apa yang mungkin boleh memberi kesan kepada kerajaan.

■1120

Keenam, yang ini sebagai langkah segera LLM bersama syarikat konsesi perlu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan tol di plaza tol. So, yang ini, berhubung dengan perkara ini, saya ingat di peringkat LLM ini kita sentiasalah melihat bagaimana untuk meningkatkan lagi daripada segi kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan kutipan tol. Ini termasuklah memperkenalkan *PayDirect/account-based transaction* (ABT), sistem pembayaran terbuka (SPT) *SOS Balance*, pemantauan dan kecekapan sistem.

So, berhubung dengan perkara ini juga, kalau kita tengok status terkini, kalau kata kita tengok apa kita telah laksanakan, pertambahan lorong SPT. Kalau kita tengok Disember 2024, kita ada 305 keseluruhan dan Mei 2025, kita dah ada

peningkatan dekat situ sebanyak 341 lorong. Begitu juga dengan pertambahan lorong RFID-lah. Kita tengok lorong RFID pun telah meningkat daripada 603 kepada 612.

Okay, next. Ini sikit dia punya *timeline*-lah untuk kita selesaikan isu daripada segi pelaksanaan MLFF ini. So, kita lihat pada 25 Februari, kita dah buat libat urus bersama dengan agensi yang terlibat. Yang ini libat urus diadakan bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas agensi berhubung dengan Memorandum Jemaah Menteri.

Pada Mac 2025, kita sekali lagi membuat pemurnian kertas Memorandum Jemaah Menteri sebelum kita angkat. Pada 14 Mac, libat urus sekali lagi diadakan bagi mendapatkan pandangan dan apa maklum balas agensi berhubung dengan memorandum yang telah disediakan. Yang ini, masa peringkat awal kita buat ini ada beberapa pandanganlah berhubung dengan cadangan yang telah kita masukkan dalam memorandum. So, sebab itu kita cuba *sit down* balik bersama dengan agensi untuk dapatkan persetujuan bersama sebelum kita angkat untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.

April hingga Mei 2025, yang ini sekali lagi kita buat permohonan kertas. Selepas kita *sit down* bersama dengan agensi, kita sekali lagi murnikan kertas memorandum dan kita telah edar kertas memorandum tersebut untuk dapat ulasan daripada agensi-agensi utamalah. Kita jangka *insya-Allah*, kalau tak ada apa-apa, bulan Jun ini kita akan bentangkan *paper* ini ke Jemaah Menteri lah. So, saya rasa itu sahaja Yang Berhormat.

Sebelum itu, mungkin ada satu lagi perkara yang mungkin saya tertinggal di sini. Ini kita tengok daripada segi pelaksanaan MLFF ini esok, kita perlu ada satu badan kawal selialah. So, yang ini di peringkat Kementerian Kerja Raya bersama dengan LLM, kita telah melihat. *Insya-Allah*, kita akan wujudkan satu badan kawal selia yang kita akan letak di bawah LLM untuk mengawal selia daripada segi pelaksanaan MLFF kelak.

Saya rasa itu sahaja yang saya ingin sampaikan pada pagi ini dan sekiranya ada soalan, *insya-Allah*, kalau saya tak boleh jawab, sahabat saya ada dua orang ini daripada LLM dan kita pun ada juga pegawai daripada KKR yang secara langsung terlibat dalam pelaksanaan MLFF. Sebab saya pun kalau ikut ini baru lagilah Yang Berhormat, tapi nak kata baru dalam agama pun tak boleh juga. Dulu saya boleh cakap saya baru dua bulan, sekarang ini dah masuk tujuh bulan. Tujuh bulan kata

bagi saya, lamalah ya. So, *insya-Allah*, mana yang saya boleh jawab, saya jawab. Mana tak boleh jawab, saya akan jemput pegawai saya untuk jawablah. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Terima kasih Dato'. Itu sistem pembayaran terbuka (SPT), maksudnya macam mana ya ini SPT? Semua boleh kereta lalu, apa-apa sistem pun boleh? Ini panggil SPT ya?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Saya jemput pegawai saya jawab, dia orang LLM. Kadang-kadang bagi peluang juga Yang Berhormat, dia orang jawab. Kalau saya semua jawab, tak ini juga. Bagi dia orang jawab sikit.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [Timbalan Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk berkenaan dengan sistem SPT ini, kita bagi alternatiflah kepada *user*. Sekarang ini semua menggunakan *Touch 'n Go* dan juga *SmartTAG*. Tetapi dengan adanya SPT ini, untuk makluman Yang Berhormat, dia pun boleh menggunakan kad debit dan juga kad kredit. So, bermakna ada alternatif. Itu kita namakan sistem pembayaran terbuka, itu dia SPT itulah. So, sekarang ini dia punya *percentage* yang menggunakan ini agak baru. Kita mula tahun 2023, so, sekarang ini baru ada 1.7 peratus yang menggunakan kad debit dan juga kad kredit ini di *certain* plaza tol-lah. Sekarang ini kita dah ada 21 lebuhraya yang menggunakan sistem SPT ini untuk makluman Yang Berhormatlah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, berkaitan dengan ini sebab kita nak faham *all your terms* di sini kan. Sebab dia maklum balas, inisiatif. So, *PayDirect* maknanya apa itu? *SOS Balance* itu maknanya apa itu?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tolong guna *mic* ya.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Okey, berkenaan dengan *PayDirect* ini iaitu yang mana *user* kita ada *e-wallet*. Dia ada akaun *e-wallet*, makna daripada *e-wallet* itu dia akan boleh kita *deduct* dia punya fi ataupun kadar tol yang *user* lalu pada *certain* plaza tol lah. So, sekarang ini— sebelum ini kita ada *cash* ataupun duit di kad tersebutlah. Sekarang ini, dia ada melalui *e-Wallet*. itu maksud dia.

Then yang berkenaan dengan *SOS Balance* itu, ini inisiatiflah daripada pihak *Touch 'n Go* yang mana kadang-kadang kalau kita tengok yang sangkut di plaza tol itu, yang tak cukup *balance*. So, sekarang ini pihak *Touch 'n Go* dia bagi debit RM80 kepada *certain user* yang layaklah. Bermakna kalau tak cukup *balance* pada ketika itu, pihak *Touch 'n Go* bagi RM80 untuk *user* gunakan dalam tempoh satu hari *and*

then dalam tempoh satu hari itu dia akan *top up* balik RM80 tersebut. So, bermakna tak adalah terganggu ataupun *stuck* di plaza-plaza tol yang terlibat. Itu maksud dia, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Keberkesanan kutipan tol ini, kita dah sentiasa berubahlah. Kalau dulu pakai tunai, memang sesak habislah kan terutamanya bila ada *SmartTAG*, RFID. Nampaknya kesesakan itu dapat diatasilah. So, sekarang ini antara tol yang paling sesak yang saya selalu lalulah, Sungai Besi. Yang lain, saya tak pasti mana tol-tol yang sesak ini kan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Seremban.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *[Ketawa]* So, apabila kita ada MLFF ini mungkin kesesakan itu akan lebih berkurangan. Keyakinan pihak KKR bahawa sistem yang ada ini akan mengatasi kesesakan itu. Setahu saya, kesesakan yang paling teruk adalah cuti panjang di lebuhraya itu sendiri.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Terima kasih, YB. Kita tak dapat nafikanlah kalau kata kita tengok di negara-negara lain yang mengamalkan MLFF ini, dia berjaya selesaikan isu kesesakan lalu lintas. Tetapi dalam konteks ini, nak kena tengok *volume* jugalah YB. Kalau kata *volume* terlalu tinggi, kita tengok macam contoh balik rayakah, kita tengok orang kata siapa naik kapal terbang itu dia boleh nampak daripada Johor sampai ke Utara itu. Yang itu agak ini sikitlah. Tapi kalau kata normal punya keadaan ini, dia boleh selesaikan banyak isulah. Itu yang kita percayalah bahawa MLFF ini mampu untuk selesaikan kesesakan lalu lintas sebab dia tak ada apa orang kata dia berhenti, dia jalan.

So, kita tengok sekarang ini bila dia berhenti jalan itu, yang itu yang menyebabkan kesesakan itu. Kalau orang kata kita tengok *five seconds; five seconds* kalau kata kenderaan dekat belakang itu laju, mungkin yang itu yang dia akan *pile up*. Itu yang mungkin kita rasakan dengan adanya MLFF ini boleh selesaikan sikit sebanyak isu kesesakan lalu lintas di plaza-plaza tol. Di plaza-plaza tol, kena stres jugalah isu itu. Kalau kata *sat lagi* dia kata dekat jalan, dekat tol sesak juga, kita tengok nak selesaikan isu kesesakan di plaza-plaza tol, ya. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Yang keduanya Tuan Pengerusi, tadi saya dapat maklum bahawa kemungkinan tiada kenaikan tol. Itu syor PAC jugalah, tiada kenaikan tol. Jika tak ada kenaikan tol, bila program MLFF ini

dilaksanakan, sudah tentu ada kos. So, adakah kerajaan akan melanjutkan tempoh pegangan konsesi ini?

■1130

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Yang ini kita akan melihatlah tapi kalau kata dalam CA macam mana saya maklumkan tadi, dijelaskan dekat situ dia ada klausa dalam itu. Yang apa dalam klausa itu kita tidak *mention* bahawa kenaikan kos itu *government* kena tanggung. Yang itu dia tanggung sendiri. Dalam klausa kita ini, klausa berapa tadi... [*Sambil menyemak dokumen*] klausa 22.1.4. Dalam *concession agreement* dinyatakan dekat situlah. So, makna yang itu— sebab itu kita yakin bahawa esok dia kena *absorb the cost*-lah.

Tapi dalam konteks ini, kita percaya kalau kata konsesi boleh bekerjasama, dia boleh kurangkan kos. Tapi kalau kata dia tidak bekerjasama, mungkin susah sikitlah.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Saya difahamkan konsesi tidak bersetuju pun untuk melaksanakan program ini kecuali kena bayar, tambah lanjutkan tempoh dan sebagainya.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: YB, ini yang saya cakap ini *based on agreement*-lah. Saya cakap *based on agreement*, ya. Okey, tak apa. Pegawai saya boleh tambah sedikit.

Ir. Khairul Anuar bin Muhari [Ketua Task Force MLFF (Pengarah Pengurusan Rekabentuk), Kementerian Kerja Raya (KKR)]: Okey YB, mungkin dari segi atau kekangan ataupun daripada syarikat konsesi sebelum ini melibatkan Syarikat KJS. Tapi kalau ikutkan dari segi prasarana MLFF memang disokong oleh syarikat konsesi. Cuma dari segi kaedah itu, itu yang kita hendak dapatkan persetujuan daripada Kabinet. Kaedah yang dapat dipersetujui oleh semua pihaklah. Itu sebenarnya. Terima kasih.

Seperti mana dimaklumkan tadi dalam CA itu, Dato' Seri maklumkan memang kos ditanggung oleh pihak konsesi dan sebenarnya, sekiranya kita melaksanakan MLFF ini mengurangkan kos operasilah. So, banyak kos operasi yang dapat dikurangkan kerana tiada lagi plaza tol dan tiada lagi *equipment-equipment* yang banyak yang perlu di-*maintained* dan dekat situ ada penjimatan yang akan diperoleh oleh syarikat konsesilah. Terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*] Mungkin YB Pengerusi, mungkin saya boleh *share* ini, bagi edar kepada *members*. Satu perkara tadi yang apabila dia cakap konsesi tidak *agree* itu, seperti mana yang saya telah jelaskan dalam sesi yang lalu, masa kita lantik syarikat konsesi

untuk buat MLFF, yang tidak disetujui disebabkan— kita tengok ya, kalau kita tengok, konsesi dalam konsesi. Itu menyebabkan dia tidak setuju.

Maknanya nanti, konsesi sedia ada, dia terpaksa *share* dari segi keuntungan dengan *third party*. Yang ini yang menyebabkan dia orang tidak setuju, ya. Tapi *informal* punya *engagement* yang kita buat itu sekarang ini nampak dia *very positive*.

Itu sajalah yang kita boleh maklum setakat ini sebab ini kita belum angkat lagi dekat Kabinet untuk buat keputusan. So, *that* baru kita boleh buat *engagement* dengan agensi yang terlibatlah. Terima kasih.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Last-lah Pengerusi ya. So, apakah cadangan-cadangan yang terbaru sistem MLFF ini yang akan dibawa kepada Jemaah Menteri? So, boleh kita dapat maklum *point-point* penting yang akan dibawa kepada Jemaah Menteri.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Yang pertama yang mungkin saya boleh berkongsi sedikit ini ialah macam kita cakap tadilah, makna dia buat *on their own cost*-lah, satu, okey.

Kedua ini, kita nampak kita cadangkan supaya proses perolehan ini dibuat dalam konteks tidak melibatkan kerajaanlah. Ini kata B2B-lah. B2B ini bermakna, syarikat konsesi dia boleh panggil mana-mana syarikat, dia buatlah RFP-lah, *request for proposal* untuk dia laksanakan. Itu yang kita cadang kepada *government*-lah.

Dengan harapan itu, kalau boleh laksanakan itu, mungkin kita boleh tengoklah macam mana, sama ada *success* atau tidaklah. Tapi cuma dalam konteks ini macam mana saya maklumkan tadi ini, apa kita punya cadangan tapi kita tidak tahu sama ada *government* boleh bersetuju dengan cadangan kita atau tidak. Kita akan syor macam itulah. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, so saya balik kepada syor 1 PAC, slaid *number four*, mungkin berkaitan *kut* ya. Sebab di sini, dua opsyen utama yang telah dicadangkan.

Opsyen pertama itu ditolak oleh kerajaan kerana melibatkan implikasi dan beban kewangan kepada kerajaan.

Opsyen kedua, model PFI ini dilaksanakan sendiri oleh syarikat konsesi tanpa bantuan kerajaan. Opsyen ini pula, tidak dipersetujui oleh sebahagian syarikat konsesi kerana implikasi kewangan yang besar kepada syarikat.

Jadi, yang status terkini ini, saya hendak tanya daripada KKR-lah, cadangan pelaksanaan MLFF akan dibawa kepada Mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa terdekat. So, KKR sendiri hendak cadang apa? So, yang ini kerajaan tolak. Yang satu

lagi syarikat tolak. Opsyen kedua syarikat tolak. *So, at the end of the day*, hendak cadang apa kepada Jemaah Menteri? Sebab Jemaah Menteri, menteri-menteri lain yang lain nak buat keputusan mestilah atas cadangan KKR itu sendiri, kan? Input daripada orang yang ada kepakaran. Terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Terima kasih, YB. Seperti mana yang saya jelaskan tadilah, cadangan kita, kita akan buat secara B2B-lah. Cadangan B2B. *Arrangement B2B*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi tol naiklah?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Tidak ada, sebab itu yang saya— YB baca yang saya edar dalam *CA agreement* itu ada nyatakan, ya. Dalam itu *clear mention* bahawa yang itu atas tanggungjawab— tanggung kos itu di bawah konsesi sendirilah. Ada bagi? Sila-sila bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Dato' KSU, boleh kita fotostat dan edar kepada semua?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Tidak apa, saya akan edar. Lepas itu saya akan *collect* balik, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dato', saya cuba hendak faham sedikit. Jadi, kita sebelum ini ada AA (*Appointment Agreement*) yang dah— kira dah habislah, dah luput, dah tamat tahun lepas.

Jadi, sekarang ini, mengikut apa yang dimaklumkan oleh Dato', maknanya pihak KKR akan mencadangkan untuk tidak meneruskan dengan model kita lantik konsesi *on top of* konsesi itu dan akan mencadangkan supaya pihak konsesi lebuhraya ini sedia ada, mereka sendiri yang cari orang untuk melaksanakan MLFF ini? Adakah itu yang akan dicadangkan kepada Jemaah Menteri?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Yang ini, esok ini kita cadang B2B, terpulang kepada konsesilah. Sama ada esok ini kalau dia hendak buat cara lantik orang pun boleh ataupun dia hendak buat bersama.

Mungkin dia buat satu syarikat SPV untuk bantu dia laksana, macam-macam boleh buat. Yang ini esok ini kita *leave it to* konsesilah.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi, bukan lantikan kerajaan? Bukan?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Bukan.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tapi lantikan oleh syarikat konsesi.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Setuju.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dan mereka akan *absorb* kos sendiri tanpa kenaikan tol?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Setuju.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Tapi di peringkat kita, apa yang kita akan buat ialah kita akan wujudkan satu badan kawal selia. Itu ya.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Baik, terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Untuk memantaulah. Dari segi pelaksanaan MLFF kelak.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Puan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Saya balik kepada soalan— syor nombor satu iaitu pada pendapat kami— PAC pun berbincang panjanglah tentang isu ini. Dan kita nampak bahawa sebenarnya tujuan kerajaan untuk menyelesaikan adalah— untuk laksanakan MLFF ini adalah untuk menyelesaikan masalah kesesakan di tol.

Sebenarnya, kesesakan itu, dia berlaku di mana-mana tempat. Dia bukan isu di tol sahaja. *The bigger problem is bottleneck*, tidak cukup *lane*, *volume* terlampau tinggi. *I think, that is the real problem.*

It's not at the toll. Tol ini, sekejap sahaja *you* bayar *and* contohnya Tampin, selalu *suffer* dekat tol Sungai Besi. Lepas tol, *jammed*. Bukan *before toll*. *Before toll*, *very efficient*. Bayar saja *then go*.

So, for PAC members kita nampak bahawa kerajaan— kalau katakanlah ya atau syarikat swasta melaburkan berbilion ringgit, tetapi dia tidak membawa penyelesaian untuk kesesakan. Dia hanya di tol sahaja. *I think to us, the cost and benefit analysis* itu tidak memihak kepada— tidak menguntungkan kepada rakyat atau kepada syarikat yang melabur berbilion ringgit atau kerajaan pun.

Untuk mengulas tentang isu bahawa kos ini akan *at no cost to the government*. Selalunya *PAC go through, everything at no cost to government when the company proposed. Zero cost, but the hidden cost is a lot* ya.

Contohnya yang saya boleh nampak bahawa, walaupun syarikat konsesi tidak *charge anything to the government, but cost of enforcement* adalah kerajaan. Kerajaan kalau kena kutip duit itu, dia kena— *you know*, rakyat yang tidak bayar tol.

Kerajaan kena ada mekanisme untuk kutip, Polis PDRM kena bagi saman, bayar lepas itu baharu *pass* kepada syarikat konsesi. *That one is a hidden cost to government. That at the end of the day if we do this, the resources* yang kerajaan perlu buat, perlu laksanakan, *is taking a toll to the government*-lah. *Because government has a lot of other job to do.*

So, pada pendapat PAC *is that we feel that* ini tidak berapa berbaloilah okey, untuk melaksanakan MLFF. MLFF ini tujuan baik tetapi di banyak negara mereka masih menggunakan *tolled road. Even in US, in China* atau di negara-negara lain semua menggunakan tol. Sebab *very efficient*-lah dari segi *collection* ya.

Jadi saya nak mohon ulasan daripada Datuk KSU. *Have we thought through this? Have we thought through the process* ya untuk memastikan usaha kita laksanakan itu menguntungkan kerajaan dan menguntungkan rakyat? Terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Okey, pertama sekali kalau kita tengok tujuan asal kita nak melaksanakan MLFF seperti mana yang saya bagi tahu tadi saya ulangkan tadi ialah kita nak selesaikan masalah kesesakan di tol ini. Ini objektif utama, ya.

Dalam konteks ini juga, apabila kita nak selesaikan apa masalah kesesakan di tol, kita tak nafikan bahawa macam YB cakap tadi kalau kata tengok sesetengah jalan, lepas-lepas tol terus jem. So, sebab itu dalam konteks ini mungkin kita nak tengok secara holistik punya *approach*. Kita tengok negara-negara lain buat. Kita tengok paling dekat sini adalah Singapore, ya.

Kita patut limitkan kenderaan masuk ke kawasan bandar. Kita pergi banyak negara sudah laksanakan benda ini. Yang ini patut kita tengok. Lagi satu kita nak kena tengok juga macam mana kita nak kurangkan atau tak menggalakkan rakyat kita beli kenderaan. Sebab kalau kata banyak kenderaan dijual di pasaran, jalan kalau kata kita besarkan jalan kita ini pun tak selesai masalah. Yang ini yang kita nak kena tengok.

So, sebab itu saya setuju dengan YB cakap MLFF ini tak selesaikan masalah kesesakan. Ia boleh selesaikan masalah kesesakan di tol-tol plaza. Itu yang kita kena ingat. Tetapi nak selesaikan secaranya holistik kita tak boleh ya, okey yang itu satu.

Kedua, berhubung dengan kos seperti yang mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Saya tak dapat nafikan dari segi kos kepada agensi. Kos-kos apa dari segi pentadbiran apa.

Tetapi yang kita cakap di sini kos pelaksanaan ini *itself*. Yang itu yang tak terlibat. Esok kos pentadbiran bandar akan ada juga Yang Berhormat, macam YB

cakap tadi. So yang ini yang kita cuba tengok nanti. Besok contoh kalau kata ada motoris ataupun pemandu-pemandu yang lari tak bayar. So, yang ini kita tengah *study* macam mana nak *collect* balik so *that* dari situ kita boleh kurangkan sikit dari segi kos kitalah nak selesaikan isu kos-kos apa yang terlindung tadi itu ya. Saya rasa itu yang mungkin saya boleh bagi gambaran sikitlah berhubung dengan isu ini. Terima kasih.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Maaf, Datuk Pengerusi. saya *just* nak dapatkan klasifikasi. Yang diedarkan ini adalah cabutan daripada salah satu daripada perjanjian konsesi dengan lebuhraya. Kira memang sudah dimeterailah? *One of the concessions agreements*-lah? Okey, terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: So sebab *based that* klausa itu yang kita berani cakap. Dari situ *government* tak ini, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Wangsa Maju.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih Pengerusi. Saya nak kepastian dulu. Yang pertamanya memang implikasi kewangan daripada *agreement* yang kita buat sehingga 16 Disember tidak ada kos langsung kepada kerajaan? Situ memang *zero cost*-lah?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Implikasi kewangan yang mana YB?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Yang dengan...

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: KJS itu?

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Ha.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: KJS itu YB saya ulang balik. Saya ingat dalam mesyuarat yang lalu pun saya sudah baca sudah, klausa itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Perlu kah saya...

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Tak apa, tak apa, nak pasti sahaja.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Memang kalau ikut— ini saya cakap *based on agreement*.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya? *Based on agreement* dia tak boleh.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey. So, setakat ini tidak ada tuntutan daripada mereka ya?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Tak ada.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih. Keduanya disebut dalam slaid nombor enam tiada proses perolehan kerajaan. Membawa erti kerajaan sudah buat satu ketetapan. Proses MLFF ini kerajaan tidak akan *take up*-lah.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: YB saya perlu perbetulkan YB.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Benda ini belum angkat kepada Kabinet lagi. Ini cadangan kita.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Okey, ini cadangan ya. Slaid enam itu cadangan di mana dalam cadangan itu tidak ada proses perolehan kerajaanlah. Itu dalam cadangan, okey.

Slaid nombor enam mengatakan bahawa seolah-olah cadangan dia dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Maknanya dalam kertas nanti nanti cover Jemaah Menteri untuk syarikat konsesi menjalankan MLFF ya.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Selaras dengan klausa tadi itu.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Betul. Okey. Saya pohon satu pertimbangan; apabila kita serahkan pada konsesi ini tolong jangan *kasi blank cheque* kepada mereka. Maknanya membawa erti saya ingin cadangkan agar kita *put some base parameters*. Kalau tidak dia akan menjadi satu keadaan macam zaman-zaman dulu. Setiap *concessionaire* itu buat satu sistem tersendiri tanpa mempunyai satu parameter yang sama di antara satu sama lain, yang mengakibatkan, yang saya pernah cerita dalam prosiding yang lepas juga, di atas *dashboard* kereta saya itu ada empat *SmartTAG*, contoh ya. Jadi, memang betul ini bukan cerita dongeng. Memang ada empat *SmartTAG* atas itu.

Jadi, harapkan kalau *concession* serah tetapi *certain base parameters* itu kerajaan tetapkanlah. Supaya dia ada seragamlah dari segi *concession* yang dibuat. Kita juga dengar bahawa ada beberapa *concessionaire* yang sudah mula untuk memikir untuk melaksanakannya. Jadi, itu lebih memerlukan satu tindakan segera oleh kerajaan juga untuk memastikan bahawa *base parameters* itu dapat ditetapkan seberapa cepat yang mungkin. Okey, itu satu pemerhatian dan satu harapan.

Dari segi *timeline*, Dato'. Andaikan bulan Jun ini dibentang kepada Jemaah Menteri dan andaikan cadangan itu diterima oleh Jemaah Menteri, *timeline* pelaksanaan dia? Boleh *kasi* sedikit gambaran tak supaya kesengsaraan yang kita sedang hadapi sekarang ini [*Ketawa*] bila kita boleh harap dapat kita rasainya?

Ada tak *timeline*-nya? Itu persoalan yang— saya akhiri dengan soalan itu. Soalan-soalan berikutnya kemudianlah, terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Okey terima kasih, YB. Berhubung dengan— pertama sekali saya cakap tadi berhubung dengan apa— persoalan yang berhubung dengan parameterlah. So, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya memang kita di peringkat Kementerian Kerja Raya dan juga LLM telah memikirkan.

Sebenarnya kita pun ada draf sudah, dari segi parameter-parameter yang perlu kita lihatlah untuk menyeragamkan dari segi sistem ini kelak ya. Cuma, sekarang ini kita tak boleh berkomunikasi ataupun buat *engagement* dengan syarikat konsesi selagi belum ada keputusan daripada Kabinetlah. Kita tak nak nanti dia *charge* kita pula nanti sebelum belum ada keputusan lagi. So, itu satu okey.

Kedua ini, berhubung dengan bila jangkaan pelaksanaan ini. Kita jangka mengambil kira proses kita nak buat *engagement* dan konsesi nak buat apa RFP apa semua itu. Kita di peringkat kita pun perlu juga dalam masa yang sama juga kita perlu wujudkan badan kawal selia itu di bawah apa ini. Mengambil kira *this all aspect* ini kita jangka paling awal pun 2027.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Akhir ke awal?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Awal, awal. Ya, awal *insya-Allah* ya. Seperti mana yang apa YB cakap tadilah ada sesetengah itu sudah *start* pun, ya kita tahu. Cuma, dari segi parameter itu kita kena *sit down* baliklah, tentukan kepada konsesi untuk supaya kita nak seragamkan apa perkara itulah.

Kita di peringkat kita pun besok ini kita perlu wujudkan juga peraturan-peraturan. Walaupun kita sudah ada akta tetapi dari akta itu kita— daripada itu kita akan wujudkan peraturan. Supaya bila kita nak buat apa-apa kawal selia nanti lebih mudahlah. Yang itu di peringkat tindakan di peringkat kitalah.

Sebab itu yang kita bubuh 2027-lah YB, terima kasih.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Wangsa Maju? Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Daripada penjelasan-penjelasan yang diberikan oleh Dato' Seri KSU dan juga rakan-rakan di sana tadi, menyebutkan tentang dari segi kos, *benefit* dan seumpamanya.

■1150

Pelaksanaan ini sebenarnya akan menjimatkan. Kalau saya salah betulkan lah. Menjimatkan kos operasi dalam jangka masa panjanglah kepada pihak konsesi.

Kalau itu *notion*-nya, maknanya premisnya begitu, sepatutnya mereka inilah yang lebih berlumba-lumba untuk melaksanakannya. Di pihak kita kerajaan, pengguna, kita nak dua. Satu kita nak kurangkan kesesakan dan satu lagi kita nak *minimise*—ada satu tertinggal, kemalangan yang berlaku, kerap berlaku di *toll plazas* ini, kan? Tapi di pihak konsesi ini, mereka kalau melaksanakan MLFF ini, dia akan mengurangkan banyak kos kepada pihak merekalah untuk *long-term*. Tapi sepatutnya merekalah yang lebih sepatutnya lebih berminat untuk menyegerakannya tanpa melibatkan kos kepada kerajaan, tanpa melibatkan kenaikan kadar kepada pengguna, kan? Cuma mereka hanya perlukan hala tuju, dasar, dan juga kaedah kawal selia di peringkat kerajaan.

Jadi, saya tidak nampak di mana yang pelaksanaan ini boleh menyebabkan ia tergendala ataupun lewatlah. Mohon komen daripada KSU.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Setuju YB. Berhubung dengan perkara ini, saya sangat setuju dengan apa *statement* yang telah dinyatakan oleh YB tadi. Kalau kata *long-term* esok ini dia akan banyak menguntungkan pihak konsesi sendirilah dalam konteks ini. Dalam konteks ini kalau kata kita berjaya selesaikan kesesakan di tol, makna rakyat juga akan dapat manfaatnya. Dia boleh jimatkan masa.

Saya ambil satu contohlah. Kadang-kadang saya macam dekat Penang, dulu saya dekat Penang, tol dekat jambatan. Kadang-kadang kita berhabis masa dekat situ berjam-jam. Kita bayangkan. Kalau kata satu sejam kita habis atau 30 minit, macam-macam kita boleh buat. Yang ini esok ini akan boleh mengurangkan dari segi masa yang itu dia boleh gunakan untuk lebih bermanfaatlah. Contoh bersama dengan keluarga atau untuk dia balik rehatkah apa semua. So, berhubung perkara ini saya rasa sangat setuju.

Untuk makluman Yang Berhormat dan semua ahli-ahli Yang Berhormat juga, sebenarnya sekarang ini kita tengok ramai dah konsesi-konsesi yang dah *start* pun. Walaupun kita tak arah ya tapi dah mula dah, macam YB maklumkan tadilah. Dah ada pun. Tapi kita tak nak arah dia sekarang ini sebab kita nak dapat hala tuju ataupun dasar dulu daripada kerajaanlah untuk kita laksana. Tapi kita tengok usaha oleh konsesi-konsesi dah ada pun, dah ada. Kita harap bila kita dapat kelulusan daripada kerajaan ini, dari segi hala tuju dan dasar nanti boleh mempercepatkan proses inilah. Sebab itulah yang kita agak *confident* sikit yang saya katakan tadi itu, *insya-Allah* kalau tak ada apa-apa, kalau kita semua *goes smoothly*, so kita boleh laksanakan *by early 2027*-lah. Itu kita punya harapanlah. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, mengenai ada konsesi yang dah mula pun dia punya inisiatif sendiri itu sedangkan benda ini belum diputuskan lagi. So, apakah akan jadi implikasinya sekiranya kerajaan putuskan *and you are already* ada dia punya perancangan sendiri, dia punya *framework*, bagaimana nak buat, yang konsesi dah mulakan, dia punya *style* itu lain. *Do they* kena *adjust, whatever they are doing with their system to comply with* yang akan dibuat. So, *what is the implication of* ini sebelum kerajaan memutuskan?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Saya ingat berhubung dengan perkara ini YB, kita tak pernah memaksa pihak konsesi untuk *start*. Tapi kita tengok ada inisiatif daripada dia orang untuk buat. So, kita tak boleh paksa dia oranglah dan kita tak pernah bagi arahan untuk dia orang laksanakan. So, itu *very clear*.

Dalam konteks ini saya setuju tadi ada YB cakap tadi yang kita kena ada selaraskan dari segi parameter-parameter. Itu yang bila kita dapat dasar dan hala tuju daripada kerajaan pada masa terdekat ini, kita akan buat *engagement* dengan konsesi-konsesi untuk kita tentukan parameter dan dia kena ikut kitalah. Itu yang perlu kita lakukan supaya esok ini dia ada keseragamanlah semua konsesi bila nak laksanakan MLFF dan kita bimbang...*[Dicelah]* Ya?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *That's the point.*

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kalau katakan kerajaan punya sistem begitu. Dia ini tadi dah dia kata laju dah. *They've spent a lot* nak buat dia punya itu. *When they comply, it means cost to them. So, is that the liability that the government's got to— you have to pay me if you want me to comply.* Adakah itu diambil kira?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Tapi yang ini macam saya maklumkan tadilah. Macam saya maklum tadi kita tak pernah paksa dia untuk *start* dulu. So, kalau dia kata nak *start* itu, yang itu *on their own cost*-lah YB. Kalau kata kita tak pernah paksa dia, lepas itu dia datang nak tuntutan pada kerajaan, *for us it's not fair to the government*-lah

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya. Itulah. Yang itu yang kita inilah. Tapi apa-apa pun yang ini untuk makluman YB, yang ini bila kita dah dapat hala tuju, kita akan *sit down* balik dengan ini untuk selaraskan balik *the parameter* yang sepatutnya dipatuhi dan untuk kita seragamkan keseluruhan esok di peringkat perlaksanaan nanti.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: YB Pengerusi, macam semalam saya ada buat lawatan tapak ke EKVE. Terima kasih kepada LLM kerana tolong aturkan lawatan tapak tersebut. Saya ada melawat tapak *highway* tersebut dan melihat dia punya *toll gate* dekat situ. Ada dua *toll gate*. Kami dimaklumkan oleh EKVE bahawa mereka bina atau *design toll gate* tersebut untuk mengambil kira di masa hadapan akan ada MLFF.

Jadi, saya fikir dalam hal ini bila syarikat konsesi itu sendiri yang cuba atau mengambil inisiatif untuk mempermudah dan melihat bahawa MLFF itu akan pada masa hadapan akan dilaksanakan, jadi saya fikir mungkin ini menunjukkan bahawa syarikat konsesi juga melihat secara prinsipnya MLFF itu satu benda yang akan membantu bagi mereka. Jadi, saya nak tahu adakah di masa hadapan—macam contohnya EKVE itu, adakah LLM yang minta mereka untuk buat ini ataupun mereka sendiri yang buat *design toll gate* itu macam itu sebab mereka rasa bahawa MLFF ini yang akan membantu di masa hadapan?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Okey terima kasih, YB. Berkenaan dengan *design* untuk di *toll plaza* yang baharulah di mana pihak LLM-lah telah meminta untuk pihak konsesi yang baharu ini ataupun konsultan yang *design toll plaza* tersebut untuk mengambil kira pelaksanaan MLFF ini. Kita tak nak nanti apabila ia dibuka setahun dua, akan diroboh atau ada *abortive work* di situ. Sebab itulah kita minta dari segi *requirement on the MLFF* punya *structure* itu diambil kira. Itu telah kita tetapkan untuk makluman YB-lah. Terima kasih.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *Chairman*, nak tanya sedikitlah. Encik Mohd Hadzmir, saya nak serba sikit nak tahu tentang konsep tol ini apabila kita nak *implement* MLFF ini *in full*. Beralang tak?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Tak beralang. Bermakna dia tak ada palanglah. ALB itu memang tiada.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: Okey. Fasal saya tengok sekarang ini walaupun pelbagai kad kita guna, palang pun salah satu daripada punca kelewatan juga *because sensitivity of the sensor*. Ada lambat. Saya pernah langgar cermin pun ada, dah lambat ke Parlimen. *[Ketawa]*

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Yang ini memang tiada palanglah.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *So, we can touch but cannot go. That's the problem [Ketawa]. That's why* saya tanya tadi konsep. Saya nak tanya *because* ini belum lagi cakap dengan kerajaan, di Kabinet. Konsep itu macam mana. Macam di luar negara itulah lebih kurang. Maknanya tidak ada palang. *That's should*

be the way-lah. Kalau ada palang saya rasa, palang itu akan menjadi salah satu sumber kelewatan kitalah. Terima kasih, terima kasih *Chairman*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey ada lagi? Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Soalan saya pertama; diumumkan oleh media kalau tak silap saya, sudah ada *pilot project* ya di beberapa— *certain* tempat itu saya tak pasti. Tapi adakah sudah pun dilaksanakan *pilot project*? Itu satu. Kalau sudah ada itu maksudnya bagaimana dia punya *timeline* untuk dilihat *result* kepada *pilot project* itu sendiri?

Kedua, dalam maklum balas pihak KKR ini adalah sedang disiapkan lagi kertas cadangan kepada Kabinet.

■1200

Jadi, di pihak pengguna sendiri saya nampaklah dalam beberapa ulasan di media dan sebagainya, di media sosial ini ada tiga perkaralah yang *concern* pengguna ini.

Yang pertama, mereka risau kalau akan ada kos, kenaikan kos tol. Itu satu.

Yang kedua, dari segi mungkin ada denda kalau sama ada kelewatan dia orang caj itu ataupun dia tidak bayar begitu ya.

Yang ketiga dari segi kos peranti itu mungkin ada akan dikenakan maksudnya akan di— perlu dibeli atau dipasang oleh pihak pengguna. Tiga benda itulah yang dilihat oleh pengguna ya. Jadi, mungkin itu perlu diambil kira oleh KKR sendiri.

Yang ketiganya juga, saya lihat dari segi *structure* ataupun kedudukan lokasi tol-tol kita ini, saya ambil contoh macam saya, saya punya tol saya balik ke Sik itu saya masuk ataupun saya ini adalah di tol Gurun. Punca kadang-kadang itu berlaku kesesakan itu ialah kerana di depan itu ada *traffic light*. Jadi, kalau kita MLFF ini saya ingat tidak ada makna juga kan sebab puncanya adalah kerana *traffic light* di depan. Takkan kita nak ubah *traffic light* itu pula. Jadi, itu juga perlu dilihatlah sebagai— maknanya tidak semuanya tempat itu perlu ada MLFF itu. Itu minta mohon pandanganlah. Terima kasih.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Berkenaan dengan— YB, *pilot project*, *so far* dari segi pihak kerajaanlah, kita tiada lagi pihak konsesi untuk melaksanakan *pilot project*. Yang ada itu atas inisiatif mereka yang seperti mana Dato' Sri KSU *highlight* tadilah. Atas inisiatif mereka.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...tidak ada?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Tiada. Untuk daripada pihak kerajaan memang kita tiada lagi *pilot project* yang kita arahkan kepada mana-mana pihaklah. Cuma yang ada atas inisiatif dari pihak konsesilah.

Okey, berkenaan dengan tiga perkara tadi, memang kita akan mengambil maklumlah. Bermakna, tiada kenaikan kadar tol yang baharu dengan pelaksanaan MLFF yang ini.

Yang caj tambahan dan juga kos peranti ini, kita tidak tahu lagi model yang akan dilaksanakan oleh B2B tadi. So, dengan hala tuju yang akan ditetapkan oleh Kabinet nanti, nanti kita akan maklum kepada pihak konsesi dan kita akan minta konsesi punya *proposal*. So, daripada ketiga-tiga perkara nanti kita akan *further discuss*. Cuma dari segi kenaikan kadar tol memang tiada. Itu daripada kerajaanlah.

Ir. Khairul Anuar bin Muhari [KKR]: Dato' Seri, kalau saya boleh tambah sikit dari segi pelaksanaan MLFF di luar negara. Denda itu memang diperlukan supaya pengguna membayar mengikut masa yang ditetapkanlah. Itu memang biasa memang ada. Cuma kadar itu kita akan lihat atau dibincangkan bersama dengan pihak kerajaan.

So, dari segi peranti dan *tag* juga itu tertakluk kepada macam mana Encik Hadzmir maklumkan dan kemungkinan juga kalau kita lihat juga kalau kita boleh menggunakan *tag* yang sedia ada. Itu pun kita lihat jugalah. Boleh jadi tidak ada kos kepada pengguna pada masa ini. Tapi masih lagi dalam peringkat kita untuk berunding dan juga semak dengan pihak-pihak konsesilah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Satu lagi, Pengerusi sikit.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: YB, berkenaan dengan *gantry* tadi ataupun kedudukan tol plaza yang baharu ini, bermakna kita akan lihat semulalah dari segi lokasi yang mengikut keperluan teknikal. Tidak semestinya kedudukan *gantry* yang baharu ini berada di plaza tol yang sedia ada. Yang itu kita akan tengok dari segi teknikal punya *requirement*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Satu lagi, ada beberapa negara termasuk di Norway dia guna *automatic number plate recognition*. Adakah ANPR ada juga dilihat kaedah juga ini juga? Maksudnya, dia— ada saya tengok dia *parking* beberapa hotel kita di KL itu dah ada guna ANPR ini. Jadi, mungkin itu juga perlu di-*explore* kaedah-kaedah itu.

Ir. Khairul Anuar bin Muhari [KKR]: Untuk makluman YB, ANPR adalah salah satu daripada kaedah pengesanan dari segi *enforcement*. Cuma *tag* ini dia lebih— ketirisan itu akan lebih kurang. Lebih baik kalau kita ada *tag* sebab dia ada

record. Cuma di Malaysia ini kita tidak ada standard, belum ada lagilah standard nombor plat. Itu yang ada sedikit isu ANPR. Tapi dalam pelaksanaan MLFF ini memang ANPR sebagai *second detection* untuk kita melaksanakan penguatkuasaan dan juga *detection* kenderaan. So, memang kita telah masukkan dalam kita punya kajian dan juga cadangan untuk pelaksanaan. Maknanya, *RFID tag* dan keduanya adalah ANPR dan sebenarnya kita ada video juga untuk mengambil gambar sebagai salah satu kaedah untuk mengenal pasti kenderaanlah. Untuk makluman.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, nak tanya *about this* macam mana *you all* nak buat denda inikan? *What's the mechanism? Is it the* konsesi yang akan bagi kepada pengguna itu? Siapa akan jadi penguat kuasanya? *So, what happens if they fail?* Sebab ini lalu sahaja, kan? Dia tidak ada orang nak tahan, fizikal tahan.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dia boleh lalu, lalu, lalu. Sekali dia apa itu *the next day* dia boleh lalu lagi kan?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya, ya. YB, yang ini yang apa kita kena perhalusilah. Sebab nanti kita nak kena perhalusi dengan sistem yang nak dilaksanakan oleh konsesi-konsesi itu, yang itu berdasarkan itu baru kita boleh perhalusi lebih *detailed* macam mana kita nak *detect* ataupun nak tangkap dia orang siapa yang ini.

Sebab itu yang saya kata tadi bila kita laksana— dapat kelulusan ini dan kita akan bergerak seiring untuk *come out with* badan yang akan kawal selia perkara inilah. Kita akan perhalusi, YB. Sekarang ini kita tidak boleh nak cakap lagilah sebab kita tidak nampak lagi sistem macam mana dia nak buat itu. Kalau kita cakap ini makna kita dah tahu sistem apa yang dia nak buatlah. Sebab kita tidak dapat gambaran lagi macam mana dia nak buat. So, bila kita tengok *business model* dia esok *then* baru kita akan *suit* dengan macam mana kita nak pantau dialah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Makna, 2027 tadi, ada sebut kan? Dia punya *kick-off*.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Dia bukan kata 2027. Makna YB, bila kerajaan buat keputusan, kita kena bergerak seiring. Kalau katakan bulan enam dia buat keputusan, bila konsesi bergerak kita pun kena bergerak juga *then* baru kita boleh *start by 2027*. Tapi kalau kata kita lepas dia siap baru kita nak buat ini saya rasa 2027 tak sempat kita nak buat, nak laksana ini.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *Chairman*.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Sebab itu saya kata kita bergerak seiringlah di peringkat LLM nanti. Terima kasih.

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *Chairman*, nak tanya sikitlah. Yang Berhormat Dato' Sri saya haraplah, saya harap ini pandanganlah mungkin dalam pertimbangan nanti kepada Jemaah Menteri. Saya harap isu keselamatanlah diambil kira, dijadikan juga salah satu daripada pertimbangan. Sebab kadang-kadang kalau *you* tengok sekarang dari segi jenayah di tol itulah orang *detect*. Pencuri kereta, orang lari, culik.

Jadi, di tol itu sebenarnya polis menggunakan *detection* di tol itu untuk mengenal pasti. Tapi mungkin saya tidak tahu sistem yang baru ini esok mungkin perlu adalah mungkin unsur-unsur itu diberikan keutamaanlah juga fasal bagi memudahkan lagi *detection of vehicles* yang melalui plaza tol yang bakal dibuat nantilah. Terima kasih, Pengerusi.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Terima kasih. kita ambil maklum Yang Berhormat. Sebenarnya berhubung dengan perkara ini juga kalau kata sekarang ini kalau kita tengok kalau kita ada sistem, sebenarnya kita boleh *detect* orang yang *overspeeding* ya. Dia masuk ini, dia dah tahu dia masuk pukul berapa, keluar dekat sana pukul berapa. *So, based on* itu pun kita boleh *detect*-lah esok. *Insyah-Allah*. Sekarang pun kalau kata dengan JPJ pun dah buat...

Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Janganlah *fine* esok.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: *[Ketawa]* *At least* untuk data apa semua YB yang itu esok. Contoh, *overloading* semua itu. Itu pun kita kena fikirlah sebab sekarang ini *overloading* pun masalah juga. Sebab kita tengok banyak *highways* kita rosak tetapi kita tidak boleh nak caj. Dari situ kita nak tengok dari segi *structure*, dari segi *legal* kita ini, dia di bawah MOT bukan di bawah KKR. Tapi jalan, jalan kita. *That's* apa ada inilah. Itu nak kena ada penyelarasan YB dalam konteks ini. *Insyah-Allah* kita— terima kasih atas cadangan itulah, tapi kita di peringkat kita pun kita ada fikir juga macam mana dalam masa yang sama kita guna MLFF ini dalam masa yang sama dari segi keselamatan dan juga macam mana kita nak jagakan dari segi kondisi dari segi jalan-jalan kita juga, YB. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya. Siapa?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Komen.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Shah Alam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Just* komen sambungan daripada YB Kuala Pilah tadi. Bila kita gunakan MLFF ini nanti sebab kita— dia akan gunakan, satu, kaedah RFID kan? Satu lagi kaedah *plate registration number*, kan? Jadi, daripada *registration number* itu pun sebenarnya kita boleh dah *link* dengan sistem KDN *security* untuk *detect* kereta-kereta yang guna nombor palsu dan yang mungkin ada terlibat dengan jenayah dan sebagainya kan sepatutnya.

■1210

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Terima kasih YB. Ini yang saya beritahu tadi itu, yang kita kena perhalusi esok ini. Macam mana *this system* ini ia akan *link* dengan sistem JPJ. *So that* kita boleh *track*-lah. *That's very important*-lah. So, yang ini esok kita boleh kurangkan jenayahlah kalau kata ada kes curi kereta, kenderaankah. *At least* dia masuk sahaja *highway*, kita boleh *detect*. Itu kita dengan harapan itu YB. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih, Pengerusi. Soalan saya sebenarnya dia di luar skop sedikit tetapi saya harap sebab bukan senang nak jumpa dengan LLM atau Dato' KSU kan.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Penang, YB. *[Ketawa]*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *I think* saya agak *concerned* tentang keselamatan jalan rayalah ya. Baru-baru ini FRU kita meninggal kerana *serious accident*. Ada pula gajah pun mati. *All these kinds of things*. Jadi, saya nak kalau boleh saya mohon supaya LLM itu kajilah tentang *design* kita. Adakah *road safety* ini dikaji dengan lebih baik? Sebab *according to statistics, every hour one Malaysian dies*. Setiap jam seorang rakyat Malaysia meninggal dalam kemalangan jalan raya. Jadi, adakah— *I think our highway to be fair, very good*. Kita pernah pergi merata tempat. Sebenarnya *highway design* kita amat baik kita punya JKR standard. *It is actually very good but what else can we do to make it safer* sebab *problem*-nya adalah kematian yang amat tinggilah di Malaysia ini. Terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat bangkitkan isu dari segi keselamatan jalan raya. Sebenarnya baru-baru ini saya juga kena bentangkan kepada jawatankuasa khas di sini juga berhubung dengan isu ini. Apabila kita bentangkan kepada jawatankuasa khas baru-baru ini, kita bangkitkan ada satu kajian oleh MIROS. Isu dari segi struktur, apa-apa infrastruktur yang menyebabkan kemalangan cuma *contribute 13 percent only*. Yang banyak ini ialah *more than 80 percent* ialah *human factor*. So, ini yang kita nak kena tengoklah. *That's the reason* mungkin kita nak tengok dari segi *education*-lah, *education*. Sebab

saya ambil pengalaman saya masa saya belajar di Japan. Saya tengok anak saya pergi sekolah Japan. Dia ajar dah dekat sekolah. Dia ada satu kawasan, dia ada macam taman itu, ada jalan-jalan apa semua, dia naik basikal— apa-apa yang kereta itu tetapi kena kayuh itu. Macam basikal itu dia kayuh. Setiap kali jalan bila sampai dekat *traffic light* merah, dia kena *stop*. Dah diajar di sekolah di Japan.

Satu pengalaman saya tengok, mungkin di sini tak berlaku. YB tengok kalau kata berlaku *blackout*, kita ada dekat *traffic light*. Kalau di Malaysia ini, kita tengok memanglah semua orang akan jalan dulu. Pengalaman saya bawa kereta di Japan, bila dekat *traffic light* saya tunggu *my turn*, tiba-tiba *blackout*. So, saya tak berani jalan sebab kita tak pernah dekat Japan. So, kita berhenti. Bila kita berhenti, semua kereta depan saya itu semua beri signal. Saya kata kenapa dia beri signal dekat saya? Rupanya dia bagi signal untuk saya keluar dulu. Bila saya keluar, baru orang lain boleh keluar. You tengok *how good is their system* sebab dia *start* dengan itu. Dia punya sistem itu nak kena tengok. So, dia ikut *turn*. Kalau kata kita keluar, baru yang *the rest* ikut, lepas itu baru yang kemudian yang akan seterusnya. Dia ikut itu. Kalau kita ini semua nak ke depan dulu. So, ini yang mungkin kita nak kena tengok dari segi sistem kita.

Kemudian lagi satu kalau kita dari segi kemalangan jalan raya kalau kita tengok. Bola saya di Japan dulu, bila saya nak lepas sembilan bulan kita tak boleh guna dah *international driving license*. Saya kena ambil *local* ataupun Japan punya *driving license*. Kita tengok di situ Yang Berhormat, kita nak *test* kereta. Agak-agak di sini bila saya tengok bila kita banyak dah lepas dah, bila bawa kereta mesti *accident*, kenapa? Sebab kita bawa kereta kancil. Masa *test* kita bawa Axia. YB perasan tak kalau masa saya ambil *test* di Japan, saya kena bawa kereta apa? Saya bawa Toyota Crown, yang besar itu. Bila *you* bawa kereta besar itu, *you* boleh lepas kereta besar itu, kereta kecil tak ada masalah. Tapi kita ini *common sense* tak ada lah. *You* bawa kereta kecil, *you* harap *you* bawa kereta besar, *you* boleh ini. *That's a big issue*.

Sama juga kalau kita tengok dari segi rasuah. Sebab ini pun cakap fasal rasuah juga. Rasuah. Kita bayangkan di Japan kalau kata saya nak ambil *test*. Kata saya dengan Pengerusi nak ambil *test driving license* ya. Katakan YB sekarang di-*test*. Saya tak kenal YB. Saya akan jadi saksi dekat belakang. *Tester*, YB, saya sebagai saksi dekat belakang. So, agak-agak kalau kata dia beranikah nak *pass*? Dia tak kenal kita. So, ini yang saya pernah cakap dekat KP JPJ, kalau saya jadi KP JPJ, saya akan *implement* benda ini. *It is true. Very simple. You* tak payah perlukan

duit, tak payah perlu kan apa. Laksana sahaja. *How good is their system. So*, yang ini kita perlu tengok macam mana kita boleh *implement so that* kita boleh kurangkan dari segi gejala rasuah dari segi nak beri lesen. Ini *just* berkongsi sedikitlah YB. Kita tengok dengan sistem kita, dengan apa sistem dia orang. Tapi apa yang saya nak *highlight* di sini, dia *start* di sekolah ya. *Thank you*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Okey, soalan tambahan. Bukan isu lain juga. Kita dalam perubahan teknologi ini ia banyak *advanced* sekarang dan saya rasa Malaysia pun perlu *catch up* dari segi *autonomous driving*, dari segi infrastruktur. Salah satu isu yang penting untuk *autonomous driving* yang mungkin akan kurangkan kemalangan jalan raya dan juga bas dan sebagainya adalah menggunakan *autonomous driving*-lah. Tetapi dia punya *furniture* yang kita ada dekat lebuh raya ini masih belum melengkap. So, adakah usaha kerajaan untuk meningkatkan *furniture* supaya *sensors* dia boleh *detect* dan kita boleh laksanakan *autonomous driving*? Ada *roadmap* tak untuk kita laksanakan *autonomous driving*? Terima kasih.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Okey, terima kasih YB. Berkenaan dengan kita punya— *future* punya berkenaan *intelligence*-lah, sistem kita. Seperti di PLUS. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada 19 WIM punya *detector* untuk mengawal kenderaan berat yang *overloading*.

So, daripada data yang kita terima untuk makluman Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 13 ke 15 peratus yang *overloading*, yang seperti mana Yang Berhormat *highlight* tadilah. Kebanyakan yang *overloading* ini, ia akan *involve* dari segi *accident* yang *major accident*. Kalau yang melibatkan *major accident*, ia akan melibatkan *fatality* ataupun kemalangan maut. Juga nak menyelesaikan, nak *clear*-kan dia punya *damage*, dia punya *debris* akan mengambil masa yang panjanglah.

So, di sini memang kita di LLM, kita akan menggalakkan di pihak syarikat konsesi untuk menyediakan *future* punya *intelligence* seperti yang kita dah laksanakan di PLUS, kita ada 19 *numbers* WIM yang boleh *detect* kenderaan berat yang *overloading*. Cuma yang sistem ini kita tak ada untuk *enforcement*. Cuma untuk *data collection* sahajalah untuk kita *design* kita punya *pavement* dan juga untuk *operation* kita.

Then untuk pada masa akan datang kita akan menyediakan contoh dari segi SMART Lane. Mungkin SMART Lane sekarang ini kita punya *traffic sign* yang ada *just* lampu yang membentuk *blinkers*, warna kuning itu yang benda itu *operation*. Mungkin *future* kita akan berbentuk *digitalise* benda itu. Itu *way forward* kitalah. kita

akan buat *slowly*-lah sebab ini mungkin ada melibatkan kos, untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebelum Wangsa Maju, saya nak— sebenarnya soalan saya sebenarnya adalah apakah *roadmap* kita untuk menyokong *self-driving, autonomous driving vehicle* kan. Sekarang ini tempat-tempat lain, mereka di US atau di China mereka sudah ada kereta-kereta yang tak ada pemandu. Dia sudah— kerana infrastruktur mereka mempunyai lengkap. Ia lengkap. Jadi, sensor boleh buat *autonomous driving*. *I think* adakah kita mempunyai *roadmap* untuk *support that kind of* mungkin kita mulakan di Shah Alam dulu atau kita mulakan di *PLUS Highway* dulu. Ya, terima kasih.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Okey untuk makluman Yang Berhormat, memang kita ada *roadmap*. Kita ada *blueprint* untuk ITS 2030 yang kita sedang bangunkan untuk di-*finalise*-kan.

■1220

Perkara-perkara ini kita akan ada pelan kitalah daripada tahun 2025 hingga 2030 untuk makluman Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya nak tanya satu soalan. Kita selalu baca *accident* yang berlaku dekat plaza tol dan plaza tol tertentu macam dekat *Karak Highway*-kah atau apa. So, adakah kementerian juga mengkaji lokasi plaza tol yang selalu berlakunya kemalangan dan cuba mengatasi mungkin ialah *design* punya masalah ataupun kita perlu tukar lokasi tol-tol tertentu yang selalu berlakunya kemalangan?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Okey. Yang itu untuk makluman Yang Berhormat memang kita punya teknikal punya *requirement*-lah di mana kedudukan plaza tol perlulah mengambil kira faktor-faktor keselamatan tadilah. Tetapi mungkin yang ada itu adalah merupakan plaza tol yang sedia ada yang mana kita perlu membuat penambahbaikan *in terms of* dari segi *road safety audit*-lah. Bermakna kita memang kita minta pihak konsultan untuk melaksanakan *road safety audit* untuk *improve* kalau ada melibatkan *safety* punya *requirement* lah.

Tetapi dengan adanya MLFF ini Yang Berhormat, kita dah tak ada tol plaza di situ dah. Kita akan *take out*, kita akan ganti dengan *gantries* sahaja. Bermakna tiada kenderaan akan berhenti di tol plaza. Bermakna kenderaan akan lalu seperti mana biasa dengan *speed limit* yang biasa. Itu kelebihan untuk MLFF ini untuk makluman Yang Berhormatlah.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Saya nak bawa perbincangan kita ke belakang dan juga ke hadapan jugalah. Sebelum ke hadapan, ke belakang juga.

Maknanya kita mewarisi satu keadaan di mana perjanjian konsesi itu telah berlaku zaman-zaman dulu. Kalau buat lebuhraya dulu tanpa melalui satu pendekatan konsesi dan sebagainya, kita tak perlu bincang pasal MLFF ini oleh kerana jalan itu *free*. Jadi, kita ada perjanjian konsesi dan kita pecah otak kita untuk cari satu pendekatan yang boleh menyelesaikan kesesakan di *toll plaza* dan sebagainya. Jadi, kita mewarisi keadaan sedemikian dan kita fikir bagaimana nak kita mengurangkan kesesakan di *toll plazas*.

Persoalan saya, boleh tak kongsi— dalam *concession agreement* asal ya, contoh ya, *North-South Highway*, konsesi asalnya bermula bila, yang sepatutnya habis bila dan konsesi itu saya difahamkan dilanjutkan. Boleh tak kongsi sampai bila lanjutan masa konsesi itu? Sama ada sempat saya tengok konsesi habis ataupun tidaklah dalam hayat saya. Maknanya— itu contohlah kalau dapat *North-South Highway* ini *concession agreement* asal dia, yang *first concession agreement* itu bila sepatutnya habis dan sekarang oleh kerana saya difahamkan oleh kerajaan tak membenarkan konsesi naikan kadar tol dan sebagainya, jangka konsesi itu dilanjutkan dan dilanjutkan dan dilanjutkan. Boleh kongsi sampai bila tak konsesi *North-South Highway*?

Untuk PAC, saya ingin mohonlah kalau dapat KKR kongsi semua *concession* punya original *timeline* dia punya konsesi dan akibat oleh kerana contoh dia raya kita *kasi* dua hari *free*, itu kos kepada kerajaan, kos kepada kitalah. Sungguhpun kita nampak *free* tetapi yang sebenar ada kos kepada kerajaan. Kos kepada kerajaan maknanya kos kepada rakyat jugalah.

Jadi, bila kerajaan tak bayar sebagai contoh kalau satu hari RM10 juta, maknanya kalau kerajaan tak bayar RM10 juta kepada konsesi saya difahamkan *concession agreement* itu dilanjutkan. Jadi, boleh tak kongsi kepada PAC?

Contoh yang saya harap *North-South Highway*-lah. Tetapi untuk konsesi yang lain itu kalau dapat kongsi kepada PAC *what is the original* punya *agreement timeline* dia dan apakah lanjutan konsesi itu bagi setiap konsesi kalau dapat kongsi? Terima kasih.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Berkenaan dengan *extension* Lebuhraya PLUS-lah, disebabkan ada penurunan kadar tol yang telah dibuat oleh pihak kerajaan iaitu sebanyak 18 peratus pengurangan daripada kadar seperti mana dalam CA-lah di mana pihak kerajaan telah melanjutkan konsesi Lebuhraya PLUS sehingga 2058.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: 2058. Asalnya? Yang asal, *the original* CA dia sampai bila?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: 2018 sekarang 2058. 40 tahun tambahanlah. Setakat inilah? Setakat ini. Maknanya 58 saya— okeylah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* 2058.

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Kalau dapat kongsi untuk semua konsesi— *pass* kepada Sekretariat PAC elok juga. *The original date of concession agreement* itu dan sekarang oleh kerana berlaku dan sebagainya lanjutan bagi setiap konsesi itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada lagi soalan tak?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: Soal balik— kepada PAC pun cukuplah kita rekod. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tak apa, pihak LLM boleh bagi secara bertulislah. Selepas mesyuarat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya kepada KKR boleh tak?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, ya. Sila Kapar.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey. So, ini di antara yang tentang keselamatan tadi yang *accident* menyebabkan kematian. So, kalau lebuhraya LLM jaga *road maintenance* yang segala *potholes* apa benda semua itu, kan? Yang Jalan Persekutuan, KKR sendiri yang jaga.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Yang Berhormat, sebenarnya kalau kata Jalan Persekutuan ini kita lantik konsesi untuk *maintain* kita punya jalanlah. So...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maknanya dia yang kena buat pemantauan berkala. Betul ya?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya. *[Tidak jelas]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dan dia kena buat jadual untuk pastikan ia di-*maintain* dan juga mungkin ada yang tiba-tiba berlubang *because* saya di Kapar. Kapar ini *port, port*.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Betul, betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jadi, dia punya kenderaan berat-berat, besar-besar dan siang malam. Jadi, kami punya penduduk 320,000. *Squeeze there, on top of* yang segala *port-port* punya *activities*. Jadi, banyaklah dia punya *wear and tear*.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Setuju.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, *this* konsesi bukan saja orang dah— sebab dah banyak *accident* dan yang malangnya yang *accident* ini orang yang motosikal, orang susah, orang marhaen. Dia tak boleh beli kereta dan sebagainya. Hujan pula Kapar ini selalu banjir. So, maknanya jalan itu senang rosak. So, daripada segi macam mana nak *balance*— sibuk sebab *cost-benefit* tadi— *balance, economic activities go on*, tetapi *lives of the people* dan juga *accident*.

Kalau orang marhaen ini kan, dia ini bekerja, dia *accident*, patah kaki, siapa jaga anak isteri? Anak nak sekolah nak hantar dan semua-semua itu. So, *I think* yang ini masih belum— saya ada bawa menteri turun hari itu tempat yang *accident* itu. Di tepi jalan lori-lori rajin *parking* malam. So, dia punya ini pun akan berat di sana berjam-jam and akan *spoil the* ini. So, *how do you solve this problem? As far as KKR is concerned*, konsesi tadi buat— daripada segi pemantauan, daripada segi penguatkuasaan. *Not just you* KKR saja tetapi *with the relevant agencies*, kan? Macam mana nak *settle* itu?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ini kita cakap dari segi peranan JKR-lah— KKR-lah dan juga JKR-lah dalam memantau jalan-jalan dan memastikan dari segi penyenggaraan. So, kita ada syarikat konsesi yang akan buat penyenggaraan jalan-jalanlah termasuklah macam Yang Berhormat cakap tadi kalau kata kita sekarang di peringkat Kementerian Kerja Raya ini kita ada *apps* yang dinamakan MYJalan.

So, dalam MYJalan itu kalau kata ada berlubangkah apa boleh laporkan dekat situ, kita punya KPI dalam tempoh 24 jam kita kena pergi ambil tindakanlah. Yang itu kita punya KPI-lah.

Tetapi dalam konteks ini bila Yang Berhormat cakap jalan di kawasan Kapar ini kita nak kena tengok juga Yang Berhormat. Sebab isu kenapa kerap rosak ini kita tengok kebanyakan kenderaan dekat situ kenderaan yang berat dan *structure* jalan kita ini dah lama dah. Bila *structure* jalan yang lama ini dia tak boleh *cater* dari segi itu.

■1230

So, yang ini kita di peringkat Kementerian Kerja Raya ini, kita tengah— hari itu kita ada cadang untuk buat satu apa yang dinamakan *pavement condition assessment* (PCA). Kita buat itu dan kita boleh tahu sama ada *condition* itu sesuai lagi untuk kenderaan-kenderaan berat itu. Tapi di peringkat apa saya tengok kawasan Kapar dan juga di Port Klang ini dah teruk sangat dah.

So, yang itu kita kena buat *study* dan *insya-Allah based on study* itu kita akan *bid budget* untuk kita perbetulkan, *restructure* jalan itu dulu. Kalau *structure* jalan itu YB, tak buat YB, kita tak payahlah pergi turap. *Resurface* buang duit saja nanti sebab dia tak tahan. Ini yang kita nak kena perbetulkan yang itu dulu. Dari segi *structure* jalan. Sebab masa kita buat dulu kita tak jangka akan jadi sampai macam ini, yang *structure* jalan itu dah lama dah. Itu yang kita tengah buat kajian untuk kita laksanakanlah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Dah siap kajian, Dato'?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Kita *insya-Allah* kalau kita *start this year*, kita tengoklah dalam masa terdekat ini tapi nanti bila siap itu kita akan teliti dan kita akan *bid budget*-lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Masuk Rancangan Malaysia

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Tak sempat pun. *Next year* tak sempat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tak sempat?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: *Next year* tak sempat sebab sekarang ini kita dah ada semakan *budget* untuk *next year*. Untuk *next year* tak sempat. So, apa yang kita buat....

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Long-term planning*, Dato'. *Long term planning*. Dalam lima tahun, macam mana.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya, *long-term planning* yang saya beritahu YB itu, yang sekarang ini kita nak buat *pavement condition assessment* dulu. So, kita buat PCA ini. Lepas kita buat PCA, dari situ kita boleh tentukan apa kaedah terbaik untuk kita selesaikan kawasan itu. Itu kita tengah buatlah. *Insya-Allah*, YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Terima kasih, Dato'. Nanti saya sokong.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Kena sokong. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada lagi? Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Timbalan Pengerusi, beberapa soalan dari saya. Tadi ditanya oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, *agreement* kita dengan syarikat konsesi itu maknanya dari segi ruang untuk kita menyemak itu sudah tidak ada atau bagaimana? Adakah maksudnya kita boleh lihat lagi dari segi— kalau peringkat awal itu mungkin kita nyatakan syarikat konsesi ini dia ada kos dari segi pembangunan fizikal, plaza tol, jalan *highway* di sini. Tapi kos fizikal itu sudah berkurangan bila dah sekian lama berjalan. Jadi, itu juga perlu dilihat dari segi *agreement* kita itu.

Ada negara sudah dia mula membincang soal dipanggil *shadow tolling*. Maknanya, kerajaan dia ambil caj itu melalui *roadtax* dan sebagainya dan kerajaan membayar kepada konsesi itu. Jadi, itu juga perlu di-*explore* saya kata oleh KKR sendirilah, oleh LLM. Itu yang pertama.

Kedua, soal kita bincang tadi kadar kemalangan yang sangat menakutkanlah, sangat tinggi. Tahun lepas, 2023, 6,000 orang meninggal. 2024 sampai bulan Oktober dah lebih 5,000. Jadi, [*Tidak jelas*] kata macam perang jugalah kemalangan rakyat kita ini. Paling tinggi ialah pengguna motosikal, lebih 64 persen, 64-lebih. Kemalangan maut itu adalah motosikal.

Saya nampak yalah perhatian secara kasarlah ya, kemalangan motosikal ini ialah apabila di beberapa tempat itu ialah kerana jalan raya itu dia terlalu sempit. Dia tidak ada ruang untuk— makna dia punya luas lebar dia itu sangat makna terhad. Motosikal ini dia tak ada tempat dia khusus. Maksudnya, dia kena duduk di *lane* kereta itu juga. Jadi, bila ada memotong itu— jadi, itu antara punca jugalah saya lihat. Termasuk juga kalau di tol. Walaupun ada laluan kecemasan tapi pengguna motosikal dia ingat itu jalan dia. Maknanya, kereta lain itu kalau dia masuk itu mungkin ada risikolah kepada dia.

Bila buat *Smart Lane* itu yang saya tengok, ada juga kebbaikannyalah. Jadi, pengguna motosikal itu dia tetap mengatakan itu hak eksklusif dia. Laluan tambahan itu. Jadi, bagaimana maksudnya kita— satu, *structure* jalan kita. Kedua, polisi soal penggunaan motosikal itu juga perlu dilihat. Orang jual motosikal murah-murah sekarang. Budak-budak dia lepas SPM, budak sekolah kita tak boleh *control* sekarang. Sampai ada— dia orang tak ada lesen, sekolah terpaksa beri, waris kena bagi anak-anak pergi sekolah naik motosikal kah tidak? Dia nak hantarkah?

Jadi, macam-macam lah di bawah kita lihat. Ada sesetengah sekolah itu dia kata, “*Yang nak ambil lesen tak cukup umur lagi*”. Itu juga— tapi kita tak ada pilihan, terpaksa guna. Dia mungkin dari segi macam mana nak selesaikan masalah penggunaan di kalangan pelajar sekolah itu juga perlu dilihatlah. Dari segi umur, dari segi berkenaan ambil lesen dan sebagainya.

Ketiga itu *last* sekali berkaitan dengan— ada saya menggunakan PLUS ini setiap minggulah. Pada prosiding yang lepas dimaklum ada pelan untuk kita ada lorong tambahan daripada— kita nak *cross* penggunaan Terowong Menora di antara Changkat Jering dengan Ipoh itu. Jadi, mungkin ada perkembangan projek ini kerana saya tengok banyak sangat kes kemalangan melibatkan lebuh raya antara Changkat

Jering dengan Ipoh ini di laluan agak bahaya itu. Mungkin ada perkembangan projek yang telah disusun oleh pihak kementerianlah. Terima kasih.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Okey, terima kasih YB. Pertama ini berhubung dengan lorong motosikal ini, kita nak kena tengok juga kalau kata kita nak buat lorong motosikal ini kita nak kena tengoklah sama ada— yang pertama yang mungkin kita nak kena bagi perhatian ialah dari segi bajetlah sebab itu melibatkan kos. Kalau kata kita nak buat jalan yang sedia ada ini, esok melibatkan pengambilan tanah apa semua pun, akan ada isu sosial apa semualah.

Ini mungkin— saya tak pasti juga macam mana kita nak tengok. Tapi cuma bila bercakap dari segi budak-budak sekolah dan macam mana *enforcement* yang perlu kita lakukan. Saya nampak YB yang ini dah di luar bidang kuasa kitalah. Kita ini di peringkat Kementerian Kerja Raya kita sediakan platform ataupun infrastruktur untuk dia ini dan kita *based* spesifikasi yang telah ditetapkan iaitu kita ada teknikal punya ini. Itu kita ada. Tapi dalam konteks ini kalau *enforcement* saya nampak lebih kepada MOT-lah. MOT, yang itu kita inilah.

Kemudian, lagi satu berhubung dengan lorong Menora ini Yang Berhormat, kalau kata Yang Berhormat selalu guna itu, Yang Berhormat akan perasan dekat situ ada AES. Kalau kata kita dari KL nak turun. Kalau kita dari belah ini, nak turun belah sinilah. Dia ada dua. So, AES itu, bila kita letak dekat situ banyak membantulah, mengurangkan sedikit dari segi kemalangan, yang itu satu, yang kita bekerjasama dengan pihak JPJ dan juga MOT yang kita buat. Itu satu.

Kedua ini kita nak mengelakkan juga kenderaan besar lalu itu. *Insya-Allah* kerajaan telah luluskan untuk kita buat satu *highway* baharu yang dia *bypass* kawasan itu iaitu WISE. So, yang WISE. So, sekarang ini *insya-Allah* kalau kata semua dah selesai, kita akan melaksanakan projek itulah.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Laluan Ipoh—Changkat Jering?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya. Gopeng, Gopeng. Sorry. Gopeng ke Kuala Kangsar. Dia *bypass* kawasan Menora. Kat situ, *insya-Allah*. Kalau kata itu esok banyak selesaikan isu dari segi kemalangan maut yang melibatkan kenderaan beratlah, kenderaan berat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Okey, Pengerusi. Tadi, disebutkan *enforcement* MOT. Jadi, ada tidak kedua-dua kementerian ini *joint task force*? Nak lihat secara keseluruhan kita nak memastikan kadar kemalangan itu turun dan mungkin ada kerjasama beberapa agensi ini. Adakah tidak diwujudkan?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: YB, sebenarnya ada YB. Pertama sekali baru-baru ini juga pihak MOT ada berhubung dengan kita minta pengecualian dia punya kereta-kereta penguatkuasaan daripada dikenakan tol. Kita bagi untuk dia masuk. Kita pun suka juga dia masuk. *At least* kita boleh selesaikan banyak isu.

Kedua, tadi macam mana sahabat saya bincang tadi, berhubung dengan apa *weigh-in-motion* (WIM). *Weigh-in-motion* pun kita dah ada kerjasama dengan MOT juga untuk tindakan *enforcement*. Kita ada tapi kita boleh ambil data sajalah. Tapi bila kita ada kerjasama dengan MOT kelak, dengan JPJ ini, so dia boleh caj. Sama juga yang kata apabila ada AES ini nanti. So, AES ini dia boleh *detect* kalau kata dia masuk dekat Jalan Duta sampai dekat Penang kita boleh *check* berapa dia *speed* dan dari situ pun dia boleh terus saman. Ini pun tengah berlakulah di peringkat kerjasama kita dengan pihak MOT. Memang ada YB kerjasama itu, YB. Terima kasih.

■1240

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *Sorry*. Pengerusi, berbalik kepada isu motosikal. Saya rasa kita mungkin terlambatlah untuk membina *motorcycle lane* di keadaan yang sekarang. Tetapi *for future*, untuk *township* yang baharu, bolehkah LLM atau JKR adakan standard yang baharu sebab *road standard* itu *based on* JKR punya standard. Jadi, kalau kita wajibkan *township* yang baharu, mereka letakkan *especially* di *main road*-lah ada *motorcycle lane* sebab ini adalah *preparation for future*. Dia bukan sahaja *motorcycle*, *in future* ada banyak *e-mobility*, pelbagai teknologi baharu yang lebih canggih dan memerlukan *lane* tersebut. Jadi, bolehkah kita kaji baliklah sebab saya nampak di China, dia memang ada khusus *motorcycle lane and very efficient*.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Di Thailand pun sama.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Thailand pun macam itu. *We are not looking at* sekarang. Yang *township* yang lama memang tak mungkinlah tapi *township* yang baharu, *if we put in the JKR standard, then developer* kena ikut. Mohon pertimbangan.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Okey, terima kasih YB. YB., kita nak kena tengok juga. Kita di peringkat Kementerian Kerja Raya dan juga LLM ini, kita bertanggungjawab untuk lebuh raya dan Jalan-jalan Persekutuan. Untuk Jalan-jalan Persekutuan itu dan juga lebuh raya mungkin kita boleh lihatlah macam mana kita nak selesaikan isu itu. Akan tetapi kalau kata macam YB cakap tadi berhubung dengan *new township*, bila cakap *new township* ini, kebanyakan dia melibatkan jalan-jalan Federal dan juga jalan-jalan PBT. Yang itu di luar bidang kuasa kitalah, YB.

Tetapi kalau kata kerajaan boleh *come out with* satu ini, yang itu mungkin kita boleh lihatlah. Tetapi *a bit difficult* juga saya nampak dalam konteks ini sebab kadang-kadang kita punya *structure of government* ini, *we have our federal government, state government* dan PBT-lah, *local government*. Yang ini yang kadang-kadang jadi isulah, di peringkat itu. So, itu saya punya komenlah berhubung dengan perkara ini, YB. Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Kapar. Sila.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Inilah, berkaitan tadilah dengan apa yang disebut Bayan Baru tadi. Ada tak kerajaan macam *blueprint mastermind of the connectivity* sama ada di lebuhraya, Persekutuankah, negerikah, dekat PBT itu tadikah, termasuk jalan di kampung? So, maknanya bagi sayalah, KKR ini sepatutnya dia punya “bapa”-lah kan. So, you can kata *the policy for KPKT, this is what is in our masterplan*. Nak buat jalan di kampung, jalan pertanian pun ada. Kan? Dekat dia punya yang pelabuhankah apa benda, dekat kapal terbang *whatever* kan. *You’ve got the masterplan. It’s supposed* jalan adalah *connectivity* daripada satu tempat ke satu tempat dengan cara yang efisien, efektif dan selamat. So, *how do you achieve that* dengan yang tadi di KPKT lain cerita, yang negeri lain cerita, Persekutuan lain cerita, LLM lain cerita kan? *Is you all kata whole-of-society, whole-of-government approach*. So, saya nak tengoklah itu.

Dato’ Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Setuju YB. Dalam konteks ini, kita ada *structural issue* sikitlah. So, sama juga dalam konteks ini YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Systemic*.

Dato’ Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Ya. Sama juga dalam konteks ini YB., saya nampak isu dia ialah isu bila YB cakap tadi jalan kampung, jalan ini. Kita di peringkat Kementerian Kerja Raya ini, kita lihat jalan Federal sahaja dan bila jalan Federal itu, kita ada apa yang dipanggil HNPD. Kita punya *planning* untuk *ten years*, 10 tahun punya *planning*, kita ada. Tapi cuma di peringkat *state* itu, dia perlu ada juga buat *planning* macam itu. So *that*, bila kita hendak masuk ini, kita hendak buat perancangan di peringkat *state* itu, kita boleh *jive* dengan dia punya perancangan. So, yang ini yang tak berlaku. Saya ambil contoh baru ini, ada satu kes di Johor pun sama juga. Kita di peringkat kita, kita ada HNPD itu *for every 10 years*, kita ada perancangan. Apa jalan kita hendak buat, apa *highway* nak buat, apa semua kita ada.

Tetapi bila pergi ke *state* ini, *state* dia tak ada perancangan itu. *That's* apa yang ada *hiccup* dekat situ sikitlah, *loophole* dekat situ sikit. Ya?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi *state* itu JKR, kira anak kan?

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Dia yang JKR nak kena tengok juga YB. Walaupun anak, tetapi daripada segi perancangan itu bukan di bawah bidang dia orang, bawah *state*. *Depends*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Because we don't have the masterplan*. Kalau *the masterplan for the whole nation*, yang saya rasa sepatutnya *the PIC is* kementerian *itself-lah for the whole country then* dia *can share to* UPEN-lah, KPKT-lah dan mana-manalah yang relevan.

Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]: Dia ini YB, sebenarnya untuk daripada segi keseluruhan ini, dia PLANMalaysia yang kena buat. PLANMalaysia, dia kena *coordinate* semua. Dia bukan di bawah KKR. JKR, KKR ini, dia cuma tengok *Federal road* dan lebuh raya sahaja. Sebab itu kita ada *planning* kita sendiri yang dinamakan HNBP tadi itu. Bila kita masuk *state*, kita kena beri salam dekat *state-lah*, kita tak boleh *simply* ganggu dia punya *planning*. So, PLANMalaysia di *state* itu kena selaraskan benda itu. *Local plan. Physical plan*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada lagi? Shah Alam?

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya nak tanya, *last* sekali.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey. Ini berkenaan dengan WCE. WCE sekarang ini, dia hanya ada *Touch 'n Go* kalau tak silap saya ataupun *open system*. Dia tak ada *SmartTAG*. *SmartTAG* tak ada, RFID pun tak ada lagilah. Jadi—setakat yang saya lalulah.

Jadi, sementara kita hendak pergi ke MLFF ini, adakah— ataupun bagaimana di pihak LLM sendiri untuk sama ada menetapkankan ataupun menggalakkan mereka menggunakan fasiliti yang memudahkan pengguna-lah seperti *SmartTAG*? Macam kita, kita *spend-lah* kan. Kita *spend* beli RFID, kita *spend* beli *SmartTAG* untuk nak memudahkan laluan tetapi tiba-tiba sampai ke lebuh raya WCE, kena buka tingkap juga lagi. Contoh. Biasanya, bagaimana proses itu dilaksanakan?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan dengan sistem tol di WCE yang kita telah adakan untuk semua *toll plaza* adalah *Touch 'n Go*. Itu semua ada tetapi untuk *SmartTAG* dan juga RFID ini, di *main barrier* sahaja yang kita adakan. Cuma yang lain itu sebab *toll plazas* itu adalah *toll*

plaza— the numbers itu, *the* bilangan plaza itu tak banyak sebab kita dah *design* untuk MLFF yang kita akan buat pada masa akan datanglah. Sebab itulah kita tak perlu *acquire* tanah yang besar sebab kita nak mengelakkan *abortive work* nanti sebab apabila laksananya MLFF ini, bermakna *lane* seperti biasalah., tak perlu *toll plaza*.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sebab itu kalau kita lihat di WCE itu memang dia tak ada besar. *Lane* dia ikut jalan yang ada lah, tiga ataupun tambahan satu sahaja lagi kan? Atau pun dua. Dia punya struktur itu sudah mengambil kira *gantry* untuk MLFF ya?

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Dah ambil kira untuk itu.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Okey, sebab dia tinggilah.

Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [LLM]: Yes. *Simple* dan juga telah mengambil kiralah untuk MLFF punya sistemlah untuk masa akan datang.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Baik, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Ahli PAC]: Okey. Saya rasa kita boleh tamat sesi ini. Bagi pihak PAC, saya ingin berterima kasih kepada Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha KKR; Yang Berusaha Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff, Timbalan Ketua Pengarah LLM; Yang Berusaha Ir. Khairul Anuar bin Muhari, Ketua Task Force MLFF. Terima kasih kerana hadir prosiding kita pada hari ini. Sekian, terima kasih. Prosiding kita tamat pada pukul 12.49 minit. Kita akan sambung lagi pada pukul 2. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.49 tengah hari]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac